

www.muamalat.com.my

Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W)


laporan tahunan 2010 annual report



GROWTH
sustainable

Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W)

Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
www.muamalat.com.my



Sustainable Growth

As we continue to deliver best value to the stakeholders, using the principles of musyarakah and mudharabah, we have successfully made investments in companies with growth potentials. In becoming the preferred Islamic financial service provider. We certainly understand the different and unique needs of our clients. The principal objectives of efficiency and dynamism are reflected by a continuous unbroken pattern, signifying an efficient, clear and continued focused vision for growth.



Bank Muamalat's logo and identity is essentially formed by a dynamic line in a continuous motion. The principal objectives of efficiency and dynamism are reflected by the single line. The single line signifies an efficient, clear and focused vision. This reflects the strong relationship between the Bank and its customers.

The dome is a basic design element of Islamic architecture. It is used to signify the place for prayers and for shelter. This represents the products and services that the Bank can offer to its customers. The five domes are representative of the 5 tenets of Islam and the 5 times Muslims are called to pray. The 5 points are also used in relation to the five principles of the Rukun Negara, giving a truly Malaysian objective to its existence. The linkage of the five domes with a single line signifies networking of the Bank and the relationship between Bank, customers and its external environment.

This networking and togetherness translate the vary meaning of Muamalat itself, which is 'relationship between mankind'. An hour glass embedded in the centre within the logo design stands for time which is essence of a Bank. Investments grow over time.

Two colours are used within the logo. Sultan blue, a royal colour is used to provide a feeling of strength and confidence. Orange is a warm and exciting colour. It gives light and signifies growth. The orange is used to signify the warmth of the Bank, which is in continuous growth, never static but always dynamic.

our vision/visi kami

To become the preferred Islamic financial service provider/
Untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan Islam pilihan.

our mission/misi kami

To deliver best value to the stakeholders/
Untuk menyampaikan nilai terbaik kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

our values/nilai kami

Care/Prihatin

Integrity/Berwibawa

Innovative/Inovatif

Service Oriented/Berorientasikan Perkhidmatan

Respect/Hormat

table of contents/kandungan


5 Years Financial Highlights/Sorotan Kewangan 5 Tahun • **002** Corporate Information/Maklumat Korporat • **003** Board of Directors/Lembaga Pengarah • **004** Profile of Board of Directors/Profil Lembaga Pengarah • **006** Shariah Committee/Jawatankuasa Syariah • **016** Profile of Shariah Committee/Profil Jawatankuasa Syariah • **017** Chairman of Shariah Committee's Statement/Penyata Pengerusi Jawatankuasa Syariah • **020** Management Team/Kumpulan Pengurusan • **022** Profile of Management Team/Profil Kumpulan Pengurusan • **024** Chairman's Statement/Penyata Pengerusi • **026** Statement of Corporate Governance/Penyata Tadbir Urus Korporat • **031** Risk Management/Pengurusan Risiko • **045** Internal Audit and Internal Control Activities/Aktiviti Audit Dalaman dan Kawalan Dalaman • **054** Corporate Responsibility Initiatives/Inisiatif Tanggungjawab Korporat • **056** Human Capital/Modal Insan • **061** Innovation in Information Technology/Inovasi Teknologi Maklumat • **065** Events 2009/2010/Acara 2009/2010 • **068** Financial Statements/Penyata Kewangan • **076** Branch Network/Rangkaian Cawangan • **243**

	2004 (RM'000)	2005 (RM'000)	2006 (RM'000)	2007 (RM'000)	2008 (RM'000)	2009-2010 (RM'000)
Total Shareholders' Funds/ Jumlah Dana	507,564	523,683	713,126	737,331	702,236	1,319,131
Profit/(Loss) Before Tax/ Untung Sebelum Cukai Dan Zakat	(26,819)	41,251	103,409	64,238	44,068	142,061
Profit/(Loss) After Taxation/ Untung Selepas Cukai Dan Zakat	(28,720)	32,328	72,520	48,138	31,951	98,834
Total Assets/Jumlah Aset	8,070,831	10,269,647	13,450,636	13,808,090	14,398,645	16,714,212
Total Deposits/Jumlah Deposit	7,455,010	9,373,971	12,178,691	12,172,868	12,447,970	14,920,856
Total Financing/Jumlah Pembiayaan	2,887,415	4,154,021	5,373,343	5,870,585	6,427,747	7,037,126
No. of Branches/ Bil. Cawangan	41	42	43	48	48	49
No. of Service Centres/ Bil. Pusat Perkhidmatan	7	6	6	3	5	6
No. of Offshore Branches/Labuan/ Bil. Cawangan Luar Pesisir/Labuan	1	1	1	1	1	1
No. of Staff/Bilangan Pekerja	1,241	1,145	1,380	1,454	1,419	1,584


5 YEARS FINANCIAL HIGHLIGHTS 2004 - 2010 - GROUP

SOROTAN KEWANGAN 5 TAHUN


Total Shareholders' Funds/Jumlah Dana Pemegang Saham
RM'000




Profit Before Taxation and Zakat/Untung Sebelum Cukai dan Zakat
RM'000



Profit After Taxation and Zakat/Untung Selepas Cukai dan Zakat
RM'000



Total Assets/Jumlah Aset
RM'000



BOARD OF DIRECTORS/LEMBAGA PENGARAH

Chairman/Pengerusi

Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid

Members/Ahli-ahli

Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Haji Ismail Ibrahim

Haji Mohd Izani Ghani

Datin Azizah Mohd Jaafar

Haji Abdul Jabbar Abdul Majid

Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman

Dato' Azmi Abdullah

CORPORATE INFORMATION

MAKLUMAT KORPORAT

COMPANY SECRETARY/SETIAUSAHA SYARIKAT

Nora Shikhen Ramli (LS01587)

REGISTERED OFFICE/PEJABAT BERDAFTAR

20th Floor, Menara Bumiputra

Jalan Melaka

50100 Kuala Lumpur

Tel : 603-2615 7069

Fax/Faks: 603-2693 3367

AUDITORS/JURUAUDIT**Ernst & Young**

Level 23A, Menara Milenium

Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara

50490 Kuala Lumpur

BOARD OF DIRECTORS

LEMBAGA PENGARAH



From Left to Right/Dari Kiri ke Kanan:

Tan Sri Dato' Dr Mohd
Munir Abdul Majid

Dato' Haji Mohd Redza
Shah Abdul Wahid

Tengku Dato' Seri
Hasmuddin Tengku
Othman

Haji Ismail Ibrahim

Dato' Sri Haji Mohd
Khamil Jamil



Datin Azizah Mohd
Jaafar

Haji Mohd Izani Ghani

Dato' Azmi Abdullah

Haji Abdul Jabbar
Abdul Majid



Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid
Chairman/Pengerusi

PROFILE OF BOARD OF DIRECTORS PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid is Chairman of Malaysia Airline System Berhad and Bank Muamalat Malaysia Berhad. He was appointed to the Board of Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) on 3 June 2008. He is also the Chairman of Veto Committee.

He obtained a B.Sc (Econ) from the London School of Economics and Political Science (LSE) in 1971 where he also obtained his Ph.D in International Relations in 1978. He taught at the Department of International Relations in LSE from 1972-1975. He was research analyst for Daiwa Europe NV in London from 1975-1978.

Tan Sri Dato' Dr Munir joined the New Straits Times Press (NST) at the end of 1978 as leader writer and progressed to become Group Editor. During his time at the NST, he published numerous articles on national and international politics, and economics. He left NST in 1986 to become Chief Executive Officer (CEO) of a small merchant bank, Pertanian Baring Sanwa (PBS), whose name he changed to Commerce International Merchant Bankers (CIMB) which was then transformed into one of Malaysia's leading merchant banks. He was invited by the Government of

Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid adalah Pengerusi Malaysia Airline System Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Beliau telah dilantik ke Lembaga Pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) pada 3 Jun 2008. Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Veto.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) daripada London School of Economics and Political Science (LSE) pada 1971 dan seterusnya Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Hubungan Antarabangsa pada tahun 1978. Beliau menjadi tenaga pengajar di Jabatan Hubungan Antarabangsa di LSE dari 1972-1975. Beliau adalah penganalisis penyelidikan untuk Daiwa Europe NV di London dari 1975-1978.

Tan Sri Dato' Dr Munir menyertai New Straits Times Press (NST) pada penghujung tahun 1978 sebagai penulis utama dan seterusnya dilantik sebagai Penyunting Kumpulan. Semasa bertugas di NST, beliau telah menerbitkan pelbagai artikel berkaitan politik negara dan antarabangsa serta ekonomi. Beliau menamatkan perkhidmatan dengan NST pada 1986 untuk menjadi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) sebuah bank saudagar kecil, iaitu Pertanian Baring Sanwa (PBS), yang telah beliau tukar nama kepada Commerce International Merchant Bankers (CIMB) dan yang kemudiannya telah muncul sebagai salah

Malaysia to establish and become the first and founding Executive Chairman of the Securities Commission in 1993, where he served for two terms until 1999. In 1997, he received the Cranfield Management Excellence award. After leaving the Securities Commission, he served as Senior Independent Non-Executive Director of Telekom Malaysia Berhad for 4 years until June 2004, and was Chairman of its mobile subsidiary Celcom (M) Berhad from 2002-2004.

In June 2004, Tan Sri Dato' Dr Munir joined the Malaysian Airline System Berhad Board of Directors and later in August 2004 was appointed its Non-Executive Chairman.

He has served on various governmental boards and committees, such as Malaysian Industrial Development Authority (MIDA), Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE, now Bursa Malaysia), Foreign Investment Committee (FIC), as well as various private sector companies and organisations such as Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange (KLOFFE), Council of the Association of Merchant Banks Malaysia (AMBM), Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI).

He was the founder President of the Kuala Lumpur Business Club (2003-2008) and is now Chairman of its Advisory Council. In May 2004, he was appointed a member of the Court of Fellows of the Malaysian Institute of Management.

In December 2005, he was made an Honorary Fellow of the London School of Economics and Political Science. Tan Sri Dato' Dr Munir is President of the LSE Alumni Society of Malaysia. In 2008 he was made a Senior Visiting Fellow at LSE IDEAS (Centre for the Study of International Affairs, Diplomacy and Strategy) where he heads the Southeast Asia International Affairs Programme. Tan Sri Dato' Dr Munir is Adjunct Professor of Universiti Utara Malaysia (UUM).

Tan Sri Dato' Dr Munir is also a member Board of Trustees of PINTAR Foundation (a body designed to oversee voluntary educational activities in schools by government-linked companies) and Malaysia-Europe Forum. He is a member of the International Institute for Strategic Studies (IISS) in London. He conceived a TV programme, Fast Forward, on Radio Television Malaysia (RTM)1, which he has hosted.

Born in Penang in 1948, Tan Sri Dato' Dr Munir received his early education at St Mark's Primary School in Butterworth and the Bukit Mertajam High School. He received his upper secondary education at the Royal Military College in Sungei Besi near Kuala Lumpur where he was awarded the Commandant's Prize for being the best all-round student in 1967. He left for London the next year.

sebuah bank saudagar utama di Malaysia. Pada 1993, beliau telah dipelawa oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuh dan seterusnya menjadi pengasas dan Pengerusi Eksekutif pertama Suruhanjaya Sekuriti untuk selama dua penggal sehingga tahun 1999. Pada 1997, beliau telah menerima anugerah Cranfield Management Excellence. Setelah tamat perkhidmatan dengan Suruhanjaya Sekuriti, beliau dilantik sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif Telekom Malaysia Berhad selama 4 tahun sehingga Jun 2004, dan sebagai Pengerusi subsidiari mudah alihnya Celcom (M) Berhad dari 2002-2004.

Pada Jun 2004, Tan Sri Dato' Dr Munir telah menyertai Lembaga Pengarah Malaysian Airline System Berhad dan seterusnya dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutifnya pada Ogos 2004. Beliau pernah berkhidmat dengan beberapa lembaga dan jawatankuasa kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE, kini dikenali sebagai Bursa Malaysia), Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), di samping beberapa syarikat dan pertubuhan sektor swasta seperti Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur (KLOFFE), Majlis Persatuan Bank-bank Saudagar Malaysia (AMBM), Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI).

Beliau adalah Presiden pengasas Kuala Lumpur Business Club (2003-2008) dan kini sebagai Pengerusi Majlis Penasihatnya. Pada Mei 2004 beliau dilantik sebagai ahli Court of Fellows, Institut Pengurusan Malaysia.

Pada Disember 2005, beliau dilantik sebagai Fellow Kehormat London School of Economics and Political Science. Tan Sri Dato' Dr Munir ialah Presiden Persatuan Alumni LSE Malaysia. Pada 2008 beliau menjadi Fellow Pelawat Kanan di LSE IDEAS (Pusat Kajian Hal Ehwal Antarabangsa, Diplomasi dan Strategi) dan mengetuai Program Hal Ehwal Antarabangsa Asia Tenggara. Beliau juga adalah Profesor Adjung Universiti Utara Malaysia (UUM).

Tan Sri Dato' Dr Munir juga merupakan ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan PINTAR (sebuah badan yang ditubuhkan untuk menyelia aktiviti pendidikan sukarela di sekolah-sekolah oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan) serta Forum Malaysia-Eropah. Beliau adalah ahli Institut Kajian Strategik Antarabangsa (IISS) di London. Beliau telah mengilhamkan serta menjadi hos kepada sebuah program TV berjudul Fast Forward di Radio Televisyen Malaysia (RTM)1.

Dilahirkan di Pulau Pinang pada 1948, Tan Sri Dato' Dr Munir menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah St Mark di Butterworth serta Sekolah Tinggi Bukit Mertajam. Beliau seterusnya menerima pendidikan menengah atas di Maktab Tentera DiRaja Sungei Besi berhampiran Kuala Lumpur, dan pada 1967 telah dianugerahkan Hadiah Komandan kerana menjadi pelajar serba boleh terbaik. Setahun kemudian beliau meninggalkan tanah air untuk ke London.

PROFILE OF BOARD OF DIRECTORS

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil was appointed as a Non-Executive Non-Independent Director of Bank Muamalat, nominated by DRB-HICOM Berhad on 27 May 2008. He holds a Bachelor of Laws (Honours) Degree from University of London and is a Barrister-at-Law at Gray's Inn, England and was called to the English Bar in 1983. He is a member of the Nomination, Remuneration and Veto Committees.

Dato' Sri Haji Mohd Khamil had his first executive career with Bank Bumiputra Malaysia Berhad from August 1980 until December 1989. He was called to the Malaysian Bar in September 1990 and was a practicing partner of several legal firms before venturing into business in 2001.

Dato' Sri Haji Mohd Khamil also sits on the boards of DRB-HICOM Berhad Group, Edaran Otomobil Nasional Berhad, HICOM Holdings Berhad, HICOM Berhad, Horsedale Development Berhad and several private limited companies.

Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Bank Muamalat setelah dicalonkan oleh DRB-HICOM Berhad pada 27 Mei 2008. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada University of London dan merupakan Barrister-at-Law di Gray's Inn, England dan diterima menjadi peguam di England pada 1983. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Pencalonan, Imbuan dan Veto.

Dato' Sri Haji Mohd Khamil memulakan kerjaya eksekutif pertamanya dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad dari Ogos 1980 hingga Disember 1989. Beliau telah diterima menjadi peguam di Malaysia pada September 1990 dan merupakan rakan pengamal undang-undang bagi beberapa firma perundangan sebelum menceburi bidang perniagaan pada 2001.

Dato' Sri Haji Mohd Khamil juga merupakan ahli lembaga Kumpulan DRB-HICOM Berhad, Edaran Otomobil Nasional Berhad, HICOM Holdings Berhad, HICOM Berhad, Horsedale Development Berhad serta beberapa buah syarikat sendirian berhad.

Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil
*Non-Executive Non-Independent Director/
 Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*





Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Director/Chief Executive Officer/

Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid was appointed as Director/Chief Executive Officer of Bank Muamalat on 1 November 2008. Prior to joining Bank Muamalat, he was the Executive Director and Group Chief Operating Officer of DRB-HICOM since 1 March 2006. He holds a Bachelor of Science in Economics in Industry and Trade (Honours) from London School of Economics, University of London. He also holds a Master of Science Economics in International Banking and Finance from University of Wales, Cardiff. He is an Associate Chartered Accountant (ACA) and member of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

Prior to joining DRB-HICOM, he was the Group CEO of Tradewinds Corporation Berhad from 2002 to November 2005 and Acting CEO of Tradewinds (M) Berhad from 2004 to 2005. He has also served several other companies such as Silterra Malaysia Sdn. Bhd., Khazanah Nasional Berhad, Arab Malaysia Corporation Berhad and Touche Ross & Co., London.

Dato' Haji Mohd Redza Shah also sits on the boards of the subsidiaries of Bank Muamalat and Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS).

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid telah dilantik sebagai Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat pada 1 November 2008. Sebelum menyertai Bank Muamalat, beliau adalah Pengarah Eksekutif serta Ketua Pegawai Operasi Kumpulan DRB-HICOM sejak 1 Mac 2006. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains bidang Ekonomi dalam Industri dan Perdagangan (Kepujian) daripada London School of Economics, University of London. Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Sains Ekonomi dalam bidang Perbankan dan Kewangan Antarabangsa daripada University of Wales, Cardiff. Beliau adalah Akauntan Berkanun Bersekutu (ACA) serta ahli Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales (ICAEW).

Sebelum menyertai DRB-HICOM, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi Tradewinds Corporation Berhad dari tahun 2002 hingga November 2005 dan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tradewinds (M) Berhad dari 2004 hingga 2005. Beliau juga pernah berkhidmat di beberapa buah syarikat lain seperti Silterra Malaysia Sdn. Bhd., Khazanah Nasional Berhad, Arab Malaysia Corporation Berhad serta Touche Ross & Co., London.

Dato' Haji Mohd Redza Shah adalah juga ahli lembaga pengarah subsidiari Bank Muamalat dan Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS).

PROFILE OF BOARD OF DIRECTORS

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



Haji Ismail Ibrahim

*Non-Executive Non-Independent Director/
Pengaruh Bukan Eksekutif Bukan Bebas*

Haji Ismail Ibrahim was appointed as a Non-Executive Non-Independent Director of Bank Muamalat nominated by Khazanah Nasional Berhad on 23 March 2001. He is also a member of the Board Audit, Remuneration and Veto Committees.

He holds a Degree in Accounting from Universiti Kebangsaan Malaysia and a member of the Malaysian Institute of Accountants. He is currently the Vice President of Khazanah Nasional Berhad. He joined Khazanah Nasional Berhad as Accountant/Finance Manager in 1995. He started his career in 1985 with the Accountant General's Department during which he served as Treasury Accountant in the Investment and Loan Division until 1991 and subsequently, he was appointed as Assistant Director in the Funds Management Division until 1995.

Haji Ismail Ibrahim telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Bank Muamalat setelah dicalonkan oleh Khazanah Nasional Berhad pada 23 Mac 2001. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Lembaga Audit, Imbuan dan Veto.

Beliau adalah pemegang Ijazah Perakaunan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau kini adalah Naib Presiden Khazanah Nasional Berhad. Beliau mula berkhidmat dengan Khazanah Nasional Berhad sebagai Akauntan/Pengurus Kewangan pada 1995. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1985 sebagai Akauntan Perbendaharaan di Bahagian Pelaburan dan Pinjaman, Jabatan Akauntan Negara sehingga tahun 1991. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Dana sehingga 1995.

Haji Mohd Izani Ghani was appointed as a Non-Executive Non-Independent Director of Bank Muamalat, nominated by Khazanah Nasional Berhad, on 1 March 2009. He is a member of Board Risk Management and Nomination Committees.

He graduated from the London School of Economics and Political Science in 1991 with BSc (Economics) specialising in Accounting and Finance. After graduating from LSE, he pursued his professional accounting qualification from the Association of Chartered Certified Accountants and admitted to fellowship in 2000. He is also a member of Malaysian Institute of Accountants.

He is currently the Director/Chief Financial Officer of Khazanah Nasional Berhad. He joined Khazanah in March 2005, initially handling funding and treasury operations. On funding front, he was deeply involved in the issuance of the world's first exchangeable sukuk for USD750 million in 2006, followed by other landmark exchangeable sukuk in 2007 and 2008. In relation to RM funding, he was instrumental in the setting up of various sukuk programmes.

His first exposure to the corporate world was in 1993 when he joined the then Renong Group. In 1999, he joined the concession holder of Putrajaya township development, Putrajaya Holdings Sdn Bhd to assist in the financing for the construction of the Government office buildings and staff quarters. He left Putrajaya Holdings in 2005 to join the Finance division of Khazanah Nasional Berhad.

He is currently a director in the special purpose companies, which are wholly owned by Khazanah Nasional Berhad that is, Rantau Abang Capital Berhad, Feringghi Capital Ltd, Klebang Capital Ltd, Lido Capital Ltd and Cenang Capital Ltd.

Haji Mohd Izani Ghani telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Bank Muamalat setelah dicalonkan oleh Khazanah Nasional Berhad pada 1 Mac 2009. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Pencalonan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) dengan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan daripada London School of Economics and Political Science pada 1991. Selepas tamat pengajian di LSE, beliau meneruskan pengajian dalam bidang perakaunan profesional dengan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun dan menerima fellowship pada tahun 2000. Beliau juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Beliau kini adalah Pengarah/Ketua Pegawai Kewangan Khazanah Nasional Berhad. Beliau mula berkhidmat dengan Khazanah Nasional pada Mac 2005 dengan tanggungjawab awal menguruskan operasi pendanaan dan perbendaharaan. Dalam bidang pendanaan, beliau banyak terlibat dalam penerbitan sukuk boleh tukar yang pertama di dunia bernilai USD750 juta pada tahun 2006 disusuli oleh sukuk-sukuk boleh tukar utama lain pada tahun 2007 dan 2008. Beliau turut memainkan peranan penting dalam penubuhan beberapa program sukuk dalam Ringgit Malaysia.

Beliau mencebur diri dalam dunia korporat pada 1993 apabila mula berkhidmat dengan Kumpulan Renong. Pada 1999, beliau menyertai pemegang konsesi pembangunan perbandaran Putrajaya, iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd untuk membantu dalam pembiayaan pembinaan bangunan pejabat Kerajaan serta rumah kakitangan. Beliau meninggalkan Putrajaya Holdings pada 2005 untuk menyertai bahagian Kewangan Khazanah Nasional Berhad.

Beliau kini merupakan pengarah dalam syarikat-syarikat tujuan khas milik penuh Khazanah Nasional Berhad, iaitu Rantau Abang Capital Berhad, Feringghi Capital Ltd, Klebang Capital Ltd, Lido Capital Ltd serta Cenang Capital Ltd.

Haji Mohd Izani Ghani

*Non-Executive Non-Independent Director/
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*



PROFILE OF BOARD OF DIRECTORS

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

Datin Azizah Mohd Jaafar was appointed as a Non-Executive Independent Director of Bank Muamalat since 17 September 2001. She is qualified as a Chartered Accountant in the United Kingdom. She is a Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW) and also a member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

She is the Chairman of Board Risk Management Committee and member of the Board Audit, Nomination and Veto Committees.

Her career in the Government sector included various positions held in amongst others, the Public Trustee Department, the Ministry of Finance, the Ministry of Health and the Accountant General Department where she last served as the Deputy Accountant General. As nominee of the Government she sat on the boards of several Government enterprises. She had also served as Deputy Commissioner of Commodities Trading as a seconded officer with the Commodities Trading Commission. She left Government service and joined the Securities Commission, Malaysia where she served as General Manager in the Research and Development Department and the Financial Reporting Surveillance and Compliance Department.

Datin Azizah Mohd Jaafar telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bank Muamalat sejak 17 September 2001. Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Berkanun di United Kingdom. Beliau adalah Fellow Institut Akauntan Berkanun di England & Wales (ICAEW) serta menjadi ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lambaga serta ahli Jawatankuasa Audit, Imbuan dan Veto Lembaga.

Sepanjang kerjaya dalam sektor Kerajaan beliau telah memegang pelbagai jawatan, antaranya di Jabatan Pemegang Amanah Raya, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan serta Jabatan Akauntan Negara di mana jawatan terakhir yang disandang beliau ialah sebagai Timbalan Akauntan Negara. Sebagai nomini Kerajaan, beliau adalah ahli lembaga bagi beberapa syarikat Kerajaan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pesuruhjaya Dagangan Komoditi, iaitu sebagai pegawai dalam pinjaman dengan Suruhanjaya Dagangan Komoditi. Beliau meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dan seterusnya menyertai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, sebagai Pengurus Besar Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan serta Jabatan Pengawasan dan Pematuhan Pelaporan Kewangan.

Datin Azizah Mohd Jaafar

Non-Executive Independent Director/

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas





Haji Abdul Jabbar Abdul Majid

*Non-Executive Independent Director/
Pegarah Bukan Eksekutif Bebas*

Haji Abdul Jabbar Abdul Majid was appointed as a Non-Executive Independent Director of Bank Muamalat since 13 October 2004. He is a Fellow Member of the Institute of Chartered Accountants, Australia, as well as a member of the Malaysian Institute of Accountants. He is also a member of the Executive Council of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

He is the Chairman of Board Audit and member of the Board Risk Management, Remuneration and Nomination Committees.

Haji Abdul Jabbar began his career in 1974 as Senior Manager in the Internal Audit and Organisation Department of Bank Pertanian Malaysia. In 1977, he joined KPMG Malaysia as Manager and was admitted to the partnership two years later. In 1993, he was promoted to Deputy Senior Partner and was made Senior Partner in 1995, a position he held until his retirement in 2000.

Haji Abdul Jabbar then joined Malaysia Derivatives Exchange Berhad in 2001 and retired as Executive Chairman on 28 February 2004. He was a past president of MICPA. He was an Adjunct Professor of the Faculty of Economics and Accounting of the International Islamic University and a member of the Senate of the Open University Malaysia Board.

He also sits on the Boards of Tradewinds Corporation Berhad and Opcom Holdings Berhad.

Haji Abdul Jabbar Abdul Majid telah dilantik sebagai Pegarah Bukan Eksekutif Bebas Bank Muamalat sejak 13 Oktober 2004. Beliau merupakan Ahli Fellow Institut Akauntan Berkanun, Australia serta ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga adalah ahli Majlis Eksekutif Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

Beliau adalah Pengerusi Audit Lembaga dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Imbuan serta Pencalonan Lembaga.

Haji Abdul Jabbar memulakan kerjayanya pada tahun 1974 sebagai Pengurus Kanan Jabatan Audit Dalaman dan Organisasi Bank Pertanian Malaysia. Pada 1977, beliau menyertai KPMG Malaysia sebagai Pengurus dan diterima sebagai rakan kongsi dua tahun kemudian. Pada 1993 beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Timbalan Rakan Kongsi Utama dan seterusnya dijadikan Rakan Kongsi Utama pada tahun 1995, iaitu jawatan yang dipegang beliau sehingga persaraannya pada tahun 2000.

Haji Abdul Jabbar kemudian menyertai Bursa Derivatif Malaysia Berhad pada 2001 dan bersara sebagai Pengerusi Eksekutif pada 28 Februari 2004. Beliau juga adalah mantan presiden MICPA. Haji Abdul Jabbar adalah juga Profesor Adjung di Fakulti Ekonomi dan Perakaunan Universiti Islam Antarabangsa dan menjadi anggota Senat Lembaga Open University Malaysia.

Beliau adalah juga ahli Lembaga Pegarah Tradewinds Corporation Berhad serta Opcom Holdings Berhad.

PROFILE OF BOARD OF DIRECTORS

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman

Non-Executive Independent Director/

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman was appointed as a Non-Executive Non-Independent Director of Bank Muamalat since 18 April 2006 and was subsequently redesignated to Non-Executive Independent Director by Bank Negara Malaysia on 16 February 2009.

He is the Chairman of Nomination Committee and is a member of Board Audit, Board Risk Management and Remuneration Committees.

He holds a Bachelor of Laws (Hons) from University of Malaya and was admitted to the Bar in 1987. He is a practicing lawyer and is currently the principal partner of Messrs Hisham, Sobri & Kadir. His areas of expertise include the various aspects of Islamic banking and finance, corporate banking and project financing, corporate matters, corporate Muamalat Islamic banking and litigation as well as matters relating to Shariah. He is a director of a number of companies including Aliran Ihsan Resources Berhad, Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. and HSK Corporate Advisory & Consultancy.

He is also a member of Task Force on Islamic Finance for Labuan IOFC and Law Review Committee for Islamic Banking and financial transactions under the auspices of the Central Bank of Malaysia and acted as an adviser for the Association of Islamic Banking in Malaysia (AIBIM) as well as for "Skim Projek Usahawan Dalam Peruncitan" (Prosper).

Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Bank Muamalat sejak 18 April 2006 dan pada 16 Februari 2009 dinamakan semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas oleh Bank Negara Malaysia.

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan juga ahli Audit Lembaga, Jawatankuasa Pengurusan Risiko serta Imbuan Lembaga.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan diterima menjadi peguam pada 1987. Beliau berkhidmat sebagai peguam dan kini adalah rakan kongsi utama Tetuan Hisham, Sobri & Kadir. Bidang kepakaran beliau merangkumi pelbagai aspek perbankan dan kewangan Islam, perbankan korporat dan pembiayaan projek, hal ehwal korporat, perbankan dan litigasi korporat Islam Muamalat serta perkara-perkara berkaitan dengan Syariah. Beliau adalah pengarah beberapa buah syarikat, termasuk Aliran Ihsan Resources Berhad, Insitut Jantung Negara Sdn. Bhd. serta HSK Corporate Advisory & Consultancy.

Beliau juga adalah ahli Pasukan Petugas Kewangan Islam untuk Labuan IOFC serta Jawatankuasa Semakan Undang-undang untuk Perbankan dan urus niaga kewangan Islam di bawah naungan Bank Negara Malaysia di samping sebagai penasihat bagi Persatuan Perbankan Islam di Malaysia (AIBIM) serta "Skim Projek Usahawan Dalam Peruncitan" (Prosper).

Dato' Azmi Abdullah was appointed as a Non-Executive Independent Director of Bank Muamalat Malaysia Berhad. He is the Chairman of Remuneration Committee and member of Board Risk Management and Veto Committees.

He was the Managing Director/CEO of SME Bank and Managing Director/CEO of Bumiputera-Commerce Bank Berhad, where he served for more than 26 years in various departments.

Dato' Azmi graduated with a B.A. (Hons) Degree in Economics from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in 1974. He is presently a Director of Universiti Kebangsaan Malaysia and a Council Member of Hospital UKM, Malaysia and the Tax Review Panel, Ministry of Finance.

Dato' Azmi Abdullah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bank Muamalat Malaysia Berhad. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Imbuan serta ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Veto Lembaga.

Beliau merupakan Pengarah Urusan/CEO SME Bank dan Pengarah Urusan/CEO Bumiputera-Commerce Bank Berhad, di mana beliau telah berkhidmat untuk selama lebih 26 tahun di beberapa jabatan.

Dato' Azmi mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Ekonomi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1974. Beliau kini adalah Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ahli Majlis Hospital UKM, Malaysia serta Panel Penilaian Cukai, Kementerian Kewangan.

Dato' Azmi Abdullah

*Non-Executive Independent Director/
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*



SHARIAH COMMITTEE JAWATANKUASA SYARIAH



PROFILE OF SHARIAH COMMITTEE PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH

Haji Azizi bin Che Seman *(Chairman/Pengerusi)*

Haji Azizi bin Che Seman is currently a lecturer at the Islamic Studies Academy, University of Malaya, a position he has held since 2002. He has been with Bank Muamalat since 1 April 2005. Until now, he is entrusted to be the Chairman for the Bank Muamalat's Shariah Committee. In terms of qualification, he holds a Master Degree in Economics from International Islamic University of Malaysia in 2001 and a Bachelor of Islamic Studies from University Malaya in 1996. His areas of specialisation Islamic Capital Market, Islamic Economics, Fiqh Muamalat and Research Methodology.

Haji Azizi bin Che Seman adalah seorang pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sejak tahun 2002. Beliau telah menyertai Bank Muamalat sejak 1 April 2005. Sehingga kini beliau terus diberi amanah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 2001 dan Sarjana Muda Pengajian Islam daripada Universiti Malaya pada tahun 1996. Bidang pengkhususan beliau meliputi Pasaran Modal Islam, Ekonomi Islam, Fiqh Muamalat dan Metodologi Penyelidikan.

Dato' Haji Md Saleh bin Haji Md @ Ahmad

Dato' Haji Md Saleh bin Haji Md @ Ahmad has been engaged as a Shariah Committee of Bank Muamalat since 2002. He obtained a Bachelor Degree in Shariah from Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan in 1974 and the same degree from University of al-Azhar, Cairo, Egypt. Currently, he is designated as a Senior Academic Fellow in Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, International Islamic University of Malaysia. Prior to that, he has served as a lecturer at University of Malaya from 1981-2004. Apart from Bank Muamalat, he is also a committee member of Perak Islamic Affairs Council, Islamic Religious Council of Penang, Shariah Research Panel of Jabatan Kemajuan Islam Malaysia and several other councils.

Dato' Haji Md Saleh bin Haji Md @ Ahmad telah dilantik sebagai Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat sejak tahun 2002. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan pada 1974 serta ijazah yang sama daripada Universiti al-Azhar, Kaheerah, Mesir. Beliau kini dilantik khas sebagai Fellow Akademik Kanan di Kulliah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Malaya dari tahun 1981-2004. Selain Bank Muamalat, beliau adalah juga ahli jawatankuasa Majlis Hal Ehwal Islam Perak, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Panel Penyelidikan Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia serta beberapa majlis lain.

Assoc. Prof. Dr. Mohamad Sabri bin Haron

Assoc. Prof. Dr. Mohamad Sabri bin Haron is a lecturer at the Centre of General Studies, National University of Malaysia. He is also an Associate Senior Fellow at Institute of West Asian Studies. He obtained a Diploma in Islamic Studies from Kolej Sultan Zainal Abidin in 1985 and Bachelor of Islamic Studies (al-Quran and al-Sunnah) from National University of Malaysia in 1988. He has completed his Master of Comparative Law at International Islamic University of Malaysia in 1993. He succeeded in obtaining his Ph.D. in Islamic Law (Fiqh and Usul Fiqh) in 1998 from University of Jordan. He has been with Bank Muamalat since December 2003. His areas of specialisation are Islamic Economics and Islamic Civilisation. He has also been seconded to the Securities Commission as the senior manager in Islamic Capital Market from 1st June 2009 to 31st May 2010.

Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri bin Haron adalah seorang pensyarah di Pusat Pengajian Am, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan Fellow Kanan Bersekutu Institut Pengajian Asia Barat. Beliau memperoleh Diploma Pengajian Islam daripada Kolej Sultan Zainal Abidin pada tahun 1985 dan seterusnya Sarjana Muda Pengajian Islam (al-Quran dan al-Sunnah) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1988. Beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana Undang-undang Perbandingan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 1993 diikuti dengan Ph.D. dalam bidang Undang-undang Islam (Fiqh dan Usul Fiqh) daripada Universiti Jordan pada 1998. Beliau telah bersama Bank Muamalat sejak Disember 2003. Bidang kepakarannya menjurus kepada Ekonomi Islam serta Tamadun Islam. Beliau juga telah dipinjamkan kepada Suruhanjaya Sekuriti sebagai pengurus kanan dalam Pasaran Modal Islam bermula daripada 1 Jun 2009 hingga 31 Mei 2010.

PROFILE OF SHARIAH COMMITTEE

PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH

Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali

Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali obtained his early education at Malay College Kuala Kangsar until 1986. He graduated with a Bachelor Degree in Laws (Second Class Honors Upper) from International Islamic University of Malaysia in 1993. He then obtained a Bachelor Degree in Shariah Law with First Class Honors from the same university the following year. He was called to the bar, admitted and enrolled as an Advocate and Solicitor of the High Court of Malaya in 1995. He then, pursued his studies at Jordan University and successfully obtained a Masters Degree in Islamic Judiciary in 2000. Since then, he served as a lecturer at International Islamic University of Malaysia. Among the subjects he taught were Islamic Law of Successions, Islamic Jurisprudence and Islamic Criminal Laws. He has been a member of the Bank Muamalat's Shariah Committee since 2005.

Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali mendapat pendidikan awalnya di Kolej Melayu Kuala Kangsar sehingga tahun 1986. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian Kelas Kedua Atas) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1993. Pada tahun berikutnya, beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah dengan (Kepujian Kelas Pertama) dari universiti yang sama. Beliau telah diterima menjadi peguam dan mendaftar sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1995. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Jordan dan pada tahun 2000 dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Sistem Kehakiman Islam. Sejak itu, beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Antara bidang yang diajar beliau termasuklah Hukum Pewarisan Islam, Jurisprudens Islam serta Undang-undang Jenayah Islam. Beliau menjadi ahli Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat sejak tahun 2005.

Dr. Ab. Halim Muhammad

Dr. Ab. Halim Muhammad graduated in 1972 with a Bachelor Degree of Shari'ah from al-Azhar University, Cairo, Egypt and completed his study in Ph.D. of Shari'ah at University of St. Andrews, Scotland in 1977. Since then, he served as a lecturer and become Head of Department of Quran & Sunnah, Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia. Among the subjects he taught were Islamic Jurisprudence (Muamalat, Islamic Banking & Islamic Finance and Takaful), Principles of Islamic Jurisprudence and Islamic Criminal Laws. He has since retired as a lecturer. He was the first Chairman of Shariah Committee of Bank Muamalat prior to joining National Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia in 2004. Currently, he is also a member of Shariah Committee of Securities Commission. He has been re-appointed as a member of the Bank Muamalat's Shariah Committee since 30 November 2009.

Dr. Ab. Halim Muhammad memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir pada tahun 1972 dan menamatkan pengajian Ph.D. dalam bidang Syariah di Univeristy of St. Andrews, Scotland pada tahun 1977. Sejak itu beliau telah bertugas sebagai pensyarah dan sebagai Ketua Jabatan Quran & Sunnah, Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara subjek yang diajar beliau ialah Jurisprudens Islam (Muamalat, Perbankan Islam & Kewangan Islam serta Takaful), Prinsip Jurisprudens Islam serta Undang-undang Jenayah Islam. Beliau kini telah bersara sebagai pensyarah. Beliau pernah menjadi Pengerusi pertama Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat sebelum menyertai Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2004. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Beliau telah dilantik semula sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat sejak 30 November 2009.

Terms & References of Shariah Committee

The Shariah Committee has its own terms and references. The said terms and references are as follows:

- To provide Bank Muamalat with guidelines and advice on Shariah matters
- To ensure that Bank Muamalat's overall activities are in line with Shariah
- To make decisions on matters arising from existing and future activities of Bank Muamalat which have Shariah repercussion
- To report to the shareholders and the depositors that all Bank Muamalat's activities are in accordance with Shariah

It is undeniably true to contend that the Shariah Committee is the backbone to any Islamic banking institution. The Shariah Committee, established in accordance with the requirements of Islamic Banking Act and Bank Muamalat's Article of Association, ensures that the Bank conducts its affairs in accordance with the Shariah principles. It is extremely crucial to ensure that Shariah compliance is practiced in all aspects of the banking operations and activities. Some of the fundamental roles and responsibilities of the Shariah Committee are as follows:

- To provide Shariah advisory and consultancy services in all matters relating to Bank Muamalat's products, transactions and activities as well as other businesses involving Bank Muamalat
- To scrutinize and endorse the annual financial report of Bank Muamalat
- To provide training to the staff as well as notes or relevant materials for their reference
- To represent Bank Muamalat or to attend any meetings with the Shariah Advisory Council from the Central Bank of Malaysia or other relevant bodies concerning any Shariah issues relating to Bank Muamalat

Most of the issues submitted to the Shariah Committee for deliberation are resolved via meetings. For the 2009, 31 series of meetings were held. The details of their attendance are as follows:

Shariah Committee Members/Ahli Jawatankuasa Syariah	Attendance/Kehadiran
Haji Azizi bin Che Seman (<i>Chairman/Pengerusi</i>)	29/31
Dato' Haji Md Saleh bin Haji Md @ Ahmad	18/31
Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri bin Haron	31/31
Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali	31/31
Dr. Ab. Halim Muhammad	5/10

Bidang & Tugas Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah mempunyai bidang dan rujukannya yang tersendiri. Bidang serta rujukan tersebut adalah seperti berikut:

- Menyediakan garis panduan serta khidmat nasihat kepada Bank Muamalat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah
- Memastikan bahawa keseluruhan aktiviti Bank Muamalat adalah sejajar dengan Syariah
- Membuat keputusan tentang perkara-perkara atau isu-isu yang timbul daripada aktiviti Bank Muamalat yang sedia ada atau yang akan datang yang mempunyai kesan dari segi Syariah
- Melapor kepada pemegang saham dan pendeposit bahawa semua aktiviti Bank Muamalat adalah sejajar dengan Syariah

Tidak dapat dinafikan bahawa Jawatankuasa Syariah merupakan tulang belakang kepada mana-mana institusi perbankan Islam. Jawatankuasa Syariah yang ditubuhkan menurut keperluan Akta Perbankan Islam serta Tataurus Pertubuhan Bank Muamalat, memastikan bahawa Bank Muamalat mengendalikan urusannya mengikut prinsip Syariah. Adalah amat penting untuk memastikan bahawa pematuhan terhadap Syariah diamalkan dari semua aspek operasi dan aktiviti perbankan. Sebahagian daripada peranan dan tanggungjawab penting Jawatankuasa Syariah adalah seperti berikut:

- Menyediakan khidmat nasihat dan rundingan Syariah dalam semua perkara berhubung dengan produk, urus niaga dan aktiviti Bank Muamalat, serta perniagaan lain yang melibatkan Bank Muamalat
- Meneliti dan meluluskan laporan kewangan tahunan Bank Muamalat
- Memberi latihan kepada kakitangan serta nota atau bahan-bahan yang relevan untuk rujukan mereka
- Mewakili Bank Muamalat atau menghadiri mesyuarat dengan Majlis Penasihat Syariah daripada Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan berkaitan, mengenai apa-apa isu Syariah yang berkaitan dengan Bank Muamalat

Kebanyakan daripada isu yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Syariah untuk dipertimbangkan telah diselesaikan menerusi mesyuarat. Bagi tahun 2009, 31 mesyuarat telah diadakan. Butiran berkenaan kehadiran mereka adalah seperti berikut:

CHAIRMAN OF SHARIAH COMMITTEE'S STATEMENT

PENYATA PENERUSI JAWATANKUASA SYARIAH

Praise be to Allah and blessings and peace be upon the Prophet.

Bank Muamalat's consciousness on the importance of Shariah took a significant step with the attempt to move forward further to position Bank Muamalat as one of the top leading Shariah compliant bank. This strategic initiative exemplify Bank Muamalat's deep concern and seriousness on Shariah compliance as to be the true Shariah bank that promotes and upholds the role of Islamic banking and finance in the industry at large.

We would like to record our sincerest congratulations to the Board of Directors and the Management for showing genuine concern and strong passion to ensure not only the productivity and profitability of Bank Muamalat but also that the Shariah's dictates and requirements are, in so performing, properly observed and adhered to.

As the Shariah Committee in Bank Muamalat, we give and contribute our utmost dedication to quality and demonstrate our commitment to achieve the above-mentioned objective in terms of products, process, documentations and other related matters.

Indeed, we are very thankful and proud with such cooperation received from the management especially and from the relevant staffs generally, in providing the committee with the adequate information and materials in ensuring that our deliberation on each and every issue would be resolved correctly and accordingly.

Consequently, it is highly hoped and reasonably anticipated that Bank Muamalat becomes profitably successful in business while upholding the Shariah implementation and application in the Islamic banking and finance institution without undermining the never-ending quest for the ultimate goal of gaining Allah's blessing and pleasure.

Thank you.

Haji Azizi bin Che Seman
Chairman of Shariah Committee

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Kesedaran Bank Muamalat terhadap peri pentingnya Syariah telah mencapai kemajuan yang menyerlah dengan usaha untuk terus mara ke hadapan untuk memposisikan Bank Muamalat sebagai salah sebuah bank peneraju utama dalam pematuhan Syariah. Inisiatif strategik ini memperlihatkan keprihatinan dan kesungguhan Bank Muamalat terhadap pematuhan Syariah agar menjadi bank Syariah tulen yang menggalakkan dan memperjuangkan peranan perbankan dan kewangan Islam dalam industri ini secara keseluruhannya.

Kami ingin merakamkan ucapan tahniah yang seikhlasnya kepada Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan kerana telah memperlihatkan keprihatinan yang tulen serta kesungguhan yang jitu bukan sahaja dalam memastikan produktiviti dan keuntungan Bank Muamalat, tetapi juga supaya hukum dan keperluan Syariah yang ditetapkan itu diamalkan dan dipatuhi dengan betul.

Sebagai Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat, kami memberi dan menyumbang sepenuh dedikasi terhadap kualiti dan memperlihatkan iltizam kami untuk mencapai matlamat yang dinyatakan di atas dari segi produk, proses, dokumentasi serta perkara-perkara lain yang berkaitan.

Sesungguhnya, kami amat berterima kasih dan berbangga dengan kerjasama yang diterima daripada pihak pengurusan khasnya, dan daripada kakitangan yang berkaitan, amnya kerana memberi maklumat dan bahan-bahan yang mencukupi kepada Jawatankuasa, demi memastikan perbincangan kami terhadap setiap satu isu dapat diberi keputusan dengan betul dan sewajarnya.

Justeru, kami menyimpan harapan yang tinggi dan menjangka secara munasabah bahawa Bank Muamalat akan menempa kejayaan yang menguntungkan dalam perniagaan dan pada masa yang sama terus mempertahankan pelaksanaan serta penggunaan hukum Syariah dalam institusi perbankan dan kewangan Islam tanpa menjejaskan usaha berterusan untuk mencapai matlamat akhir dalam mendapatkan keberkatan serta rahmat Allah S.W.T.

Haji Azizi bin Che Seman
Pengerusi Jawatankuasa Syariah



Bank Muamalat

Simpanan wajib dengan perlindungan tertinggi

Bank Muamalat

MANAGEMENT TEAM

KUMPULAN PENGURUSAN





SEATED/DUDUK:

1. **DATO' HAJI MOHD REDZA SHAH ABDUL WAHID**
DIRECTOR/CHIEF EXECUTIVE OFFICER/
PENGARAH/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

STANDING FROM LEFT TO RIGHT/DARI KIRI KE KANAN:

2. **MOHD ASRI AWANG**
EXECUTIVE VICE PRESIDENT, WHOLESALE BANKING
DIVISION/TIMBALAN PRESIDEN EKSEKUTIF
PERBANKAN BORONG
3. **LIM TECK GAM**
SENIOR VICE PRESIDENT, BUSINESS SUPPORT
DIVISION & CREDIT SUPERVISION AND RECOVERY/
NAIB PRESIDEN KANAN SOKONGAN PERNIAGAAN &
PENYELIAAN DAN PEMULIHAN KREDIT
4. **BENEDICT HO KOK KEONG**
SENIOR VICE PRESIDENT, CONSUMER BANKING
DIVISION/NAIB PRESIDEN KANAN PERBANKAN
KONSUMER
5. **WAN ROSLAN WAN ABBAS**
SENIOR VICE PRESIDENT, HUMAN RESOURCES
MANAGEMENT DIVISION/NAIB PRESIDEN KANAN
SUMBER MANUSIA
6. **PEERMOHAMED IBRAMSHA**
SENIOR VICE PRESIDENT, FINANCE DIVISION/
NAIB PRESIDEN KANAN KEWANGAN

PROFILE OF MANAGEMENT TEAM

PROFIL KUMPULAN PENGURUSAN

Mohd Asri Awang

Asri currently serves as Executive Vice President, Wholesale Banking and his portfolio responsibilities cover investment banking, private equity, treasury and capital market, asset management as well as corporate and commercial banking.

Prior to joining Bank Muamalat, Asri was the CEO of Malaysian Rating Corporation, a domestic rating agency. His previous appointments include being the Head of Corporate Planning and Business Development at MIDF Berhad, a Malaysian financial services group overseeing the group's formulation of strategic plans, business acquisition, joint ventures and strategic alliances; Country Treasurer and Vice President of the then Chase Manhattan Bank Malaysia; General Manager, Treasury and Southern Region of a domestic commercial bank; CEO of a domestic finance company and Treasurer of a merchant bank. He has held board positions in several companies within the MIDF Group and currently sits on the board of the asset management and venture capital subsidiaries of Bank Muamalat.

Asri is an Economics graduate from Macquarie University, Sydney.

Benedict Ho Kok Keong

Ben currently serves as Senior Vice President of the Consumer Banking and his portfolio responsibilities cover consumer financing, branch management and supervision, electronic banking, fee based incomes, deposits, wealth management and cards, virtual banking, customer service, call centre and business development.

Prior to joining Bank Muamalat, Ben was the Head of Business Development of DRB-HICOM Group, the holding company of Bank Muamalat. His previous appointments include being the Head of Public Affairs & Investor Relations of DRB-HICOM Group, Head of Group Corporate Communications and Public Affairs of EON Bank Group, Assistant General Manager of Group Corporate Communications of RHB Capital Berhad, Marketing Services Manager of EON Berhad. Currently, he sits as an alternate board member of Malaysia Electronic Payment System (MEPS).

Ben is a graduate from Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada masa ini, Asri berkhidmat sebagai Naib Presiden Eksekutif, Perbankan Borong dan portfolio tanggungjawabnya merangkumi perbankan pelaburan, ekuiti persendirian, perbendaharaan dan pasaran modal, pengurusan aset serta perbankan korporat dan perdagangan.

Sebelum menyertai Bank Muamalat, Asri merupakan CEO Malaysian Rating Corporation, iaitu sebuah agensi penarafan domestik. Jawatan beliau sebelum ini termasuk menjadi Ketua Perancangan Korporat dan Pembangunan Perniagaan di MIDF Berhad, sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan dan menyelia perumusan rancangan strategik, pemerolehan perniagaan, usaha sama serta penggabungan strategik kumpulan; Bendahari Negara serta Naib Presiden bagi dahulunya Chase Manhattan Bank Malaysia; Pengurus Besar, Perbendaharaan dan Kawasan Selatan sebuah bank perdagangan domestik; CEO sebuah syarikat kewangan domestik serta Bendahari sebuah bank saudagar. Beliau pernah memegang jawatan di dalam lembaga pengarah untuk beberapa syarikat di dalam Kumpulan MIDF dan kini menduduki kerusi lembaga pengarah dalam subsidiari Bank Muamalat yang terlibat dengan pengurusan aset serta modal teroka.

Asri adalah graduan dalam bidang Ekonomi daripada Macquarie University, Sydney.

Buat masa ini Ben berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan Perbankan Pengguna dan portfolio tanggungjawabnya meliputi pembiayaan pengguna, pengurusan dan penyeliaan cawangan, perbankan elektronik, pendapatan berasaskan yuran, deposit, pengurusan kekayaan dan kad, perbankan maya, khidmat pelanggan, pusat panggilan serta pembangunan perniagaan.

Sebelum menyertai Bank Muamalat, Ben merupakan Ketua Pembangunan Perniagaan Kumpulan DRB-HICOM, iaitu syarikat induk Bank Muamalat. Jawatan yang pernah disandangnya dahulu termasuklah menjadi Ketua Pembangunan Perniagaan serta Ketua Hal Ehwal Awam & Hubungan Pelabur Kumpulan DRB-HICOM, Ketua Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Kumpulan untuk Kumpulan EON Bank, Penolong Pengurus Besar Komunikasi Korporat Kumpulan di RHB Capital Berhad, Pengurus Khidmat Pemasaran di EON Berhad. Kini beliau menjadi ahli lembaga silih ganti Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia (MEPS).

Ben ialah graduan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Roslan Wan Abbas

Wan Roslan Wan Abbas joined Bank Muamalat as Senior Vice President of Human Resources in June 2008. He holds a Bachelor of Science in Finance from California State University, Fresno, USA and a MBA in Finance from Golden Gate University, San Francisco, USA. He has over 20 years working experience in the various function, mostly in the Human Resources and Administration field. Prior to joining the Bank, he worked with several companies in a local conglomerate in various industries which includes oil & gas, property management, expressway, telecommunication, venture capital and waste management.

Wan Roslan Wan Abbas menyertai Bank Muamalat sebagai Naib Presiden Kanan Sumber Manusia pada Jun 2008. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kewangan daripada California State University, Fresno, USA serta MBA dalam bidang Kewangan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Wan Roslan mempunyai lebih 20 tahun pengalaman kerja dalam bidang Sumber Manusia dan Pentadbiran. Sebelum menyertai Bank, beliau pernah bekerja dengan beberapa syarikat konglomerat di dalam negara yang meliputi pelbagai industri, termasuk minyak & gas, pengurusan hartanah, lebuhraya ekspres, telekomunikasi dan modal teroka serta pengurusan sisa.

Lim Teck Gam

Lim Teck Gam joined Bank Muamalat as Senior Vice President of Business Support Division in November 2008. His portfolio was extended to include Credit Supervision and Recovery Department in July 2009. Teck Gam holds a Bachelor of Business from Royal Melbourne Institute of Technology University, Australia. He is a Chartered Accountant and a Certified Practising Accountant (CPA Australia). Prior to joining Bank Muamalat, Teck Gam has held various positions at DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM) Group, namely, the Chief Financial Officer (CFO) of Edaran Otomobil Nasional Berhad and General Manager of DRB-HICOM. Teck Gam has also served in public listed companies and in an international accounting firm prior to joining DRB-HICOM.

Lim Teck Gam menyertai Bank Muamalat sebagai Naib Presiden Kanan Bahagian Sokongan Perniagaan pada November 2008. Portfolionya telah diperluaskan meliputi Jabatan Penyeliaan dan Pemulihan Kredit pada Julai 2009. Teck Gam adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan daripada Royal Melbourne Institute of Technology University, Australia. Beliau adalah Akauntan Berkanun dan Akauntan Pengamal Bertauliah. Sebelum menyertai Bank Muamalat, Teck Gam pernah memegang beberapa jawatan dalam Kumpulan DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM), sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Edaran Otomobil Nasional Berhad dan Pengurus Besar DRB-HICOM. Teck Gam juga pernah bertugas di syarikat senarai awam serta di sebuah firma perakaunan antarabangsa sebelum menyertai DRB-HICOM.

PeerMohamed Ibramsha

PeerMohamed Ibramsha joined Bank Muamalat as Senior Vice President of Finance Division in November 2008. He holds a Bachelor Degree in Accounting. He is a fellow Certified Practising Accountant of CPA Australia and Chartered Accountant under Malaysian Institute of Accountant. He has been seconded from the holding company, DRB HICOM since November 2008. Prior to this, he was the CFO of Alam Flora Sdn Bhd for approximately 2 years and CFO of HICOM Properties Sdn Bhd Group of companies for approximately 10 years.

Pada masa ini, PeerMohamed Ibramsha sedang berkhidmat sebagai Naib Presiden Kanan, Kewangan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan di samping menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia serta Fellow CPA dengan CPA Australia. Beliau telah dipinjamkan daripada syarikat induk, DRB-HICOM sejak November 2008. Sebelum ini beliau adalah CFO Alam Flora Sdn Bhd selama lebih kurang 2 tahun dan CFO Kumpulan Syarikat HICOM Properties Sdn Bhd selama lebih kurang 10 tahun.

CHAIRMAN'S STATEMENT

PENYATA PENGERUSI



Dear Fellow Stakeholders,

The year 2009 witnessed one of the most difficult years for the global economy as the financial crisis evolved into one of the worst post-war recessions. Governments and central banks took decisive actions to stabilise markets and stimulate the economy, helping to some extent restore investor confidence worldwide. Though Malaysia did not experience the same magnitude of economic difficulty, the country was not totally immune to the global recession. The national Gross Domestic Product (GDP) contracted by 1.7%, its first annual fall since the 1998 Asian financial crisis.

Para Pemegang Saham sekalian,

Tahun 2009 merupakan antara tahun paling sukar bagi ekonomi global apabila krisis kewangan telah merebak menjadi antara kemelesetan yang paling teruk pasca-peperangan. Kerajaan serta bank-bank pusat telah mengambil langkah tegas untuk menstabilkan pasaran serta merangsang ekonomi, dengan itu telah membantu mengembalikan keyakinan para pelabur di seluruh dunia. Walaupun Malaysia tidak menghadapi permasalahan ekonomi yang sama magnitudnya, namun negara tidak terkecuali sepenuhnya daripada kemelesetan global. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menguncup sebanyak 1.7%, iaitu kejatuhan tahunan yang pertama sejak tercetusnya krisis kewangan Asia pada 1998.

Yet we recorded our best year in the history of Bank Muamalat, registering a net profit of RM97.5 million for the financial year ending March 2010, coinciding for the first time with the financial year end of our holding company, DRB-HICOM Berhad.

The sterling performance was the result of collective initiatives implemented under the first phase of our 5-year Business Plan. The first phase was about 'Getting our House in order' which encompasses strategies and action plans to strengthen the balance sheet and develop our infrastructure.

STRENGTHEN THE BALANCE SHEET

Bank Muamalat's paid-up capital saw an additional injection of RM500 million in March 2009 which increased our core capital ratio to 13.9% by the end of the financial year, significantly higher compared to the average ratio for Islamic banks and all commercial banks of 12.3% and 12.8% respectively. In terms of risk weighted capital ratio (RWCR), our ratio stood at a healthy 17.6% as compared to 12.9% as at December 2008, representing one of the highest RWCR for an Islamic bank.

With the increased capital strength, we were able to pursue our strategies and action plans more aggressively. Total assets grew 16.1% or RM2.3 billion to RM16.7 billion as at 31 March 2010, underpinned by steady growth in financing and investment portfolios. As a result, the total income increased to RM754.2 million or 19.2% higher on an annualised basis. Bank Muamalat benefited directly from the general downward trend in funding cost throughout most of 2009 following the more accommodating monetary stance taken by the central bank, strong gains from investment and trading portfolios and steady growth in the consumer as well as wholesale financing base. Our investment portfolio witnessed a sizeable change in its composition aimed at enhancing its liquidity profile and portfolio credit quality in cognizance of the prevailing credit and liquidity driven global crisis.

Namun demikian, kami berjaya mencatatkan prestasi tahunan terbaik dalam sejarah Bank Muamalat dengan memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM97.5 juta bagi tahun kewangan berakhir Mac 2010, yang mana buat pertama kalinya adalah bersamaan dengan akhir tahun kewangan syarikat induk kami, DRB-HICOM Berhad.

Prestasi cemerlang ini adalah hasil berbagai inisiatif yang dilaksanakan di bawah fasa pertama Pelan Perniagaan 5 tahun kami. Fasa pertama ini menumpukan usaha ke arah 'Menyusun atur Rumah kami' yang merangkumi strategi serta pelan tindakan untuk memperkukuhkan kunci kira-kira dan membangunkan infrastruktur kami.

MEMPERKUKUHKAN KUNCI KIRA-KIRA

Modal berbayar Bank Muamalat telah mendapat suntikan tambahan sebanyak RM500 juta pada Mac 2009 yang telah melonjakkan nisbah modal teras kepada 13.9% menjelang penghujung tahun kewangan, yakni jauh lebih tinggi berbanding nisbah purata bank-bank Islam serta semua bank perdagangan masing-masing sebanyak 12.3% dan 12.8%. Dari segi nisbah modal berjawaran risiko (RWCR), nisbah kami kekal pada kadar yang memberangsangkan iaitu 17.6% berbanding 12.9% pada Disember 2008 yang merupakan antara RWCR tertinggi bagi sebuah bank Islam.

Dengan kekuatan modal yang meningkat, kami berupaya meneruskan strategi dan pelan tindakan dengan lebih agresif. Jumlah aset telah meningkat 16.1% atau RM2.3 bilion kepada RM16.7 bilion pada 31 Mac 2010, bersandarkan pertumbuhan yang mantap dalam portfolio pembiayaan dan pelaburan. Hasilnya, jumlah pendapatan melonjak kepada RM754.2 juta atau 19.2% lebih tinggi berdasarkan pencapaian tahunan. Bank Muamalat meraih manfaat langsung daripada arah aliran menurun dalam kos pendanaan bagi sebahagian besar tahun 2009 berikutan pendirian kewangan bank pusat yang lebih bertolak ansur, perolehan laba yang kukuh daripada portfolio pelaburan dan perdagangan serta pertumbuhan mantap asas pelanggan dan pembiayaan borong. Portfolio pelaburan kami telah mengalami perubahan besar dalam komposisinya yang bertujuan mempertingkatkan profil kecairan dan kualiti kredit portfolionya setelah mengambil kira krisis global semasa yang didorong oleh masalah kredit dan kecairan.

CHAIRMAN'S STATEMENT

PENYATA PENGERUSI

Our performance was further augmented by more proactive and prudent credit and recovery practices. Allowances made for losses on financing were significantly lower at RM161.2 million, a reduction of 3%. Our total non-performing financing showed significant improvements across major sectoral exposures during the financial year. Overall, our net NPF ratio improved to 3.0% as at end March 2010 compared to 4.4% as at the end of the preceding financial year. In addition, our discipline in cost management has helped to further improve our cost-to-income ratio to 43.6% from 45.3% previously.

DEVELOP THE INFRASTRUCTURE

Inclusive of the capital raising exercise, a total of 87 initiatives designed to put Bank Muamalat on a new level of operating efficiency were executed during the past financial year. The initiatives were clustered in several areas namely the Muamalat Banking Solutions (MBS), change management programme, branch infrastructure and risk management.

The MBS project, incorporating a new integrated core banking system, kicked-off in March 2009 following the engagement of Path Solutions as the solution provider. As at the end of March 2010, the project implementation was on schedule, despite a slow start earlier and the new system is expected to go live by December 2010.

The change management programme which was launched in 2008 resumed with a series of new initiatives. A new customer service program, Program Ceria Tetamu (PCT) culminating in new customer service standards, new uniforms for branch front liners and upgraded branch facilities was officially implemented. Meanwhile, a Guest Experience Index (GEI) was also introduced as a feedback channel to track customer satisfaction towards the new service standards. As part of the on-going change management programme, we also conducted a review of staff salary and benefits, implemented an improved performance management system to better recognize and reward performers and launched a bank-wide team building programme which will involve each and every member of staff of the bank. We also undertook selective branch expansion and facelift. Bangi branch which represented the first new flagship branch with a fresh contemporary

Prestasi kami telah diperhebatkan lagi oleh amalan pemberian dan tuntutan kredit yang lebih proaktif dan berhemat. Peruntukan untuk kerugian pembiayaan adalah jauh lebih rendah berjumlah RM161.2 juta, iaitu penurunan sebanyak 3%. Jumlah pembiayaan tidak berbayar telah menunjukkan penambahbaikan yang ketara dalam semua sektor utama yang terdedah sepanjang tahun kewangan. Secara keseluruhan, nisbah NPF bersih meningkat kepada 3.0% pada penghujung Mac 2010, berbanding 4.4% pada tahun kewangan sebelumnya. Di samping itu, disiplin pengurusan kos telah membantu memperbaiki nisbah kos dan pendapatan kepada 43.6% berbanding 45.3% sebelumnya.

MEMBANGUNKAN INFRASTRUKTUR

Terangkum dalam urusan meningkatkan modal ialah 87 inisiatif yang dirangka dan dilaksanakan pada tahun kewangan lalu untuk meningkatkan kecekapan operasi Bank Muamalat ke satu tahap yang baru. Inisiatif-inisiatif tersebut dibahagikan kepada beberapa bidang seperti Penyelesaian Perbankan Muamalat (MBS), program pengurusan perubahan, infrastruktur cawangan serta pengurusan risiko.

Projek MBS yang merangkumi sistem baru perbankan teras bersepadu dimulakan pada Mac 2009 berikutan perlantikan Path Solutions sebagai penyedia penyelesaian. Pada penghujung Mac 2010, pelaksanaan projek didapati menepati jadual meskipun agak perlahan pada peringkat permulaannya dan sistem baru ini dijangka akan digunakan menjelang Disember 2010.

Program pengurusan perubahan yang dilancarkan pada 2008 diteruskan dengan sebilangan inisiatif baru. Satu program perkhidmatan pelanggan baru, Program Ceria Tetamu (PCT) yang dilaksanakan dengan rasminya telah membawa kepada piawaian perkhidmatan pelanggan baru, pakaian seragam baru untuk anggota barisan hadapan serta peningkatan kemudahan di cawangan. Indeks Pengalaman Tetamu (GEI) turut diperkenalkan sebagai saluran maklum balas untuk mengetahui tahap kepuasan pelanggan terhadap piawaian perkhidmatan baru. Sebagai sebahagian daripada program pengurusan perubahan berterusan, kami juga telah mengkaji semula gaji dan faedah kakitangan, melaksanakan sistem pengurusan prestasi yang dipertambahbaikkan agar lebih berupaya mengiktiraf serta memberikan ganjaran kepada mereka yang menunjukkan prestasi baik. Di samping itu program membina pasukan yang dijangka melibatkan setiap kakitangan juga dilancarkan di seluruh bank. Kami juga telah menjalankan kerja memperbesar dan mengubahsuai

look was launched in July 2009. This was followed by the opening of Putrajaya branch in August, Glenmarie branch in October, Pekan branch in December 2009 and Kok Lanas branch in February 2010 which brought our total branch network to 55.

Under the risk management initiatives, we set in motion a new credit scoring system for consumer financing and enhanced our existing model for wholesale financing. These formed part of our improvement initiatives pending the implementation of a totally new credit scoring system in 2010/2011 financial year. We also established a risk-adjusted performance management framework and as part of Basel II requirement, the Internal Capital Adequacy Assessment Process (ICAAP) Framework is now in place. We have also incorporated the Basel II requirements in our new MBS system.

PROSPECTS FOR THE NEW FINANCIAL YEAR

The first quarter of 2010 witnessed some encouraging recovery signs domestically, even if the western economies remained fragile in the wake of several European sovereign credit concerns. For the first 3 months of 2010, the Malaysian GDP rebounded strongly at an annualised 10.1% compared to a contraction of 6.2% in the corresponding period in 2009.

Liquidity in the domestic economy is expected to remain ample and credit conditions accommodating. After the two OPR hikes by BNM this year, the expectation of further rate hikes has somewhat diminished amidst the subdued economic prospects of the larger western economies. We are cautiously optimistic that the new financial year will show a moderate expansion in our economy. From that perspective, we are quite confident and committed to see a smooth transition into the second phase of our 5 year business plan where our main focus is to embark on initiatives to further enhance our competitiveness and *'Meet the Benchmark'*, our catch phrase which signifies being in the top 5 of profitable Islamic banks as outlined in the business plan.

cawangan-cawangan terpilih. Cawangan Bangi yang merupakan cawangan utama baru yang pertama mengenengahkan gaya kontemporari yang menyegarkan telah dilancarkan pada Julai 2009. Ini diikuti pula dengan pembukaan cawangan Putrajaya pada bulan Ogos, cawangan Glenmarie pada bulan Oktober, cawangan Pekan pada bulan Disember 2009 dan cawangan Kok Lanas pada Februari 2010, menjadikan jumlah rangkaian cawangan sebanyak 55 buah.

Di bawah inisiatif pengurusan risiko, kami telah memulakan sistem pemarkahan kredit baru untuk pembiayaan pengguna serta memantapkan lagi model yang sedia ada untuk pembiayaan borong. Ini merupakan sebahagian daripada inisiatif penambahbaikan sebelum terlaksananya suatu sistem pemarkahan kredit yang baru pada tahun kewangan 2010/2011. Kami juga telah mewujudkan rangka kerja pengurusan prestasi terlaras risiko dan Rangka Kerja Proses Penilaian Kecukupan Modal (ICAAP) kini telahpun tersedia sebagai sebahagian daripada keperluan Basel II. Kami juga telah menggabungkan Keperluan Basel II ke dalam sistem MBS yang baru.

PROSPEK UNTUK TAHUN KEWANGAN YANG BARU

Suku pertama 2010 telah menyaksikan tanda-tanda pemulihan yang memberangsangkan, meskipun ekonomi negara barat masih agak rapuh berikutan kebimbangan terhadap beberapa kredit daulat di Eropah. Bagi 3 bulan pertama 2010, KDNK Malaysia kembali kukuh pada kadar tahunan 10.1% berbanding penguncupan sebanyak 6.2% dalam tempoh yang sama pada 2009.

Kecairan dalam ekonomi domestik dijangka akan kekal mencukupi dan keadaan kredit juga mudah diperolehi. Selepas dua kenaikan OPR oleh BNM pada tahun ini, jangkaan bahawa kadar akan terus dinaikkan lagi telah pudar berlatarkan prospek ekonomi negara barat utama yang kurang memberangsangkan. Kami menjangka dengan optimistik walaupun agak berhati-hati bahawa ekonomi negara akan memperlihatkan perkembangan sederhana pada tahun kewangan baru. Dari perspektif tersebut, kami agak yakin dan komited untuk menyaksikan peralihan yang lancar ke fasa kedua pelan perniagaan 5 tahun kami yang memberi tumpuan utama kearah pelaksanaan inisiatif untuk mempertingkatkan lagi daya saing dan *'Mencapai Tanda Aras'*, iaitu ungkapan hikmah kami yang menandakan pencapaian Bank Muamalat sebagai antara 5 bank Islam utama yang menguntungkan, seperti yang digariskan dalam pelan perniagaan.

CHAIRMAN'S STATEMENT

PENYATA PENERUS

Under the second phase and in particular during the next financial year, we forecast a relatively stronger expansion of our financing base compared to the preceding financial year driven mainly by consumer and corporate portfolio, moderate growth in our treasury and capital market activities and modest contributions from new revenue sources from the activities under investment banking, private equity and asset management.

ACKNOWLEDGEMENT

Our performance during the last financial year was highly commendable and there were evident signs of our inherent strengths that we can rely upon to bring this bank to a higher level of operating performance. On behalf of the Board, I thank the management and staff for their unstinting commitment and dedication.

To our customers, business partners and shareholders, our sincere gratitude for their support and confidence. My deepest appreciation also goes to my fellow board members for their valuable guidance and insight.

I also wish to thank the relevant authorities, in particular BNM, the Securities Commission and Ministry of Finance for their support and assistance.

Di bawah fasa kedua dan khususnya sepanjang tahun kewangan berikutnya, kami meramalkan perkembangan asas pembiayaan yang lebih kukuh berbanding tahun kewangan sebelumnya, didorong terutamanya oleh portfolio pengguna dan korporat, pertumbuhan sederhana dalam aktiviti perbendaharaan dan pasaran modal serta sumbangan yang memuaskan daripada sumber hasil baru, iaitu aktiviti di bawah perbankan pelaburan, ekuiti persendirian serta pengurusan aset.

PENGHARGAAN

Prestasi kami pada tahun kewangan lalu harus diberi pujian dan terdapat tanda-tanda jelas tentang wujudnya kekuatan semula jadi yang boleh kami gunakan sebagai landasan untuk membawa bank ini ke tahap prestasi operasi yang lebih tinggi. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan atas komitmen dan dedikasi mereka yang tidak terhingga.

Ucapan terima kasih yang seikhlasnya juga saya tujukan kepada para pelanggan, rakan niaga serta para pemegang saham atas sokongan serta keyakinan mereka. Saya ingin juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan anggota lembaga pengarah atas bimbingan serta pandangan jauh mereka yang amat bernilai itu.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak berkuasa yang berkaitan, khususnya BNM, Suruhanjaya Sekuriti serta Kementerian Kewangan atas sokongan serta bantuan mereka.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The Board of Directors of Bank Muamalat Malaysia Berhad (the Board) acknowledges that good corporate governance practices form the cornerstone of an effective and responsible organisation. The Board is fully committed to the recommendations of the Malaysian Code of Corporate Governance (the Code) as well as the Guidelines on the Corporate Governance for Licensed Islamic Banks (Revised BNM/GP1-i) issued by BNM.

Therefore the Board continuously strives to ensure that best practices are adopted in establishing accountability and integrity of the Board and Management. Hence the Board will continue to ensure that the right leadership, policy, strategy and internal controls, are well in place in order to continuously deliver and sustain Bank Muamalat's value propositions for the benefit of its stakeholders generally and at the same time, ensure continuing momentum towards reaching Bank Muamalat's aspirations to become the preferred Islamic financial services provider.

Lembaga Pengarah Bank Muamalat Malaysia Berhad (Lembaga Pengarah) mengakui bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik menjadi asas kepada sebuah organisasi yang efektif dan bertanggungjawab. Lembaga Pengarah komited sepenuhnya terhadap cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod) serta Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi Bank Islam Berlesen (Semakan BNM/GP1-i) yang dikeluarkan oleh BNM.

Justeru itu, Lembaga sentiasa berusaha memastikan bahawa amalan terbaik diguna pakai bagi menerapkan kebertanggungjawaban serta integriti pada Lembaga dan pihak Pengurusan. Oleh yang demikian, Lembaga akan terus memastikan bahawa kepimpinan, polisi, strategi serta kawalan dalaman yang tepat akan wujud agar dapat terus-menerus menzahirkan dan menyokong gagasan nilai yang dipegang oleh Bank Muamalat, demi faedah pihak yang berkepentingan secara amnya, dan pada masa yang sama memastikan momentum yang berterusan ke arah mencapai aspirasi Bank Muamalat untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan Islam pilihan utama.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

BOARD OF DIRECTORS

Board Structure, Composition and Processes

The present size and composition of the Board is optimum and well balanced. As presently constituted, the Board has the stability, continuity and commitment as well as the capacity to discharge its responsibilities effectively.

The Board comprises of nine (9) members, comprising one (1) CEO/Executive Director and eight (8) Non-Executive Directors, of which five (5) are independent. The Non-Independent Non-Executive Directors are the representatives of the shareholders namely DRB-HICOM Berhad and Khazanah Nasional Berhad. The current composition of the Board is in compliance with Revised BNM/GP1-i.

The Independent Non- Executive Directors do not participate in the day-to-day management of the Company and do not engage in any business dealing or other relationship with the Company in order that they are capable of exercising independent judgment and act in the best interests of the Company and its shareholders.

The brief profiles of the Directors are presented on pages 006 to 015 of the Annual Report.

Directors' Code of Ethics

The Directors continue to observe a code of ethics based on the code of conduct expected of Directors of financial institutions as set out in the BNM/GP7- Part 1 Code of Ethics: Guidelines on the Code of Conduct for Directors, Officers and Employees in the Banking Industry and the Company Directors' Code of Ethics established by the Companies Commission of Malaysia.

Responsibilities of the Board

The Board has the responsibility of ensuring the strategic guidance of the Company, the effective monitoring of management, and accountability to the Company and shareholders. In discharging their duties, the Board Members act on well-informed basis, in good faith, with due diligence and care, and in the best interests of the Company and stakeholders.

LEMBAGA PENGARAH

Struktur, Komposisi dan Proses Lembaga Pengarah

Saiz serta komposisi Lembaga yang ada kini adalah optimum dan seimbang. Seperti yang ditetapkan buat masa ini, Lembaga mempunyai kestabilan, kesinambungan dan iltizam serta keupayaan untuk menjalankan tanggungjawabnya secara berkesan.

Lembaga terdiri daripada sembilan (9) ahli, terdiri daripada satu (1) CEO/Pengarah Eksekutif dan lapan (8) Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana lima (5) daripadanya adalah ahli bebas. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif merupakan wakil pemegang saham, iaitu DRB-HICOM Berhad serta Khazanah Nasional Berhad. Komposisi semasa Lembaga mematuhi Semakan BNM/GP1-i.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tidak mengambil bahagian dalam pengurusan harian Syarikat dan tidak terlibat dalam sebarang urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Syarikat agar mereka berupaya memberi pertimbangan bebas serta bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat serta para pemegang saham.

Profil ringkas para Pengarah dikemukakan pada muka surat 006 hingga 015 Laporan Tahunan.

Kod Etika Pengarah

Para Pengarah terus mematuhi kod etika berdasarkan tatakelakuan yang diharapkan daripada para Pengarah institusi kewangan seperti yang dinyatakan dalam BNM/GP7- Bahagian 1 Kod Etika: Garis panduan Tatakelakuan untuk para Pengarah, Pegawai dan Kakitangan Industri Perbankan serta Kod Etika Pengarah Syarikat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Tanggungjawab Lembaga

Lembaga bertanggungjawab memastikan panduan yang strategik bagi Syarikat, pemantauan pengurusan yang berkesan serta kebertanggungjawaban terhadap Syarikat dan para pemegang saham. Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, para Ahli Lembaga Pengarah bertindak berdasarkan pengetahuan yang luas, secara jujur, dengan ketekunan wajar dan berhati-hati, serta demi kepentingan Syarikat dan pihak yang berkepentingan.

The Directors in discharging their duties and responsibilities are constantly mindful of the public interests and concerns of the business community, particularly those of customers, shareholders and all other stakeholders.

The key duties of the Board include the following:-

- Provide guidance on Bank Muamalat's annual business plans and the overall strategic direction
- Approve Bank Muamalat's annual budget and carries periodic review of the progress made by the various operating divisions against their respective business targets
- Oversight of Bank Muamalat's business operations and financial performance
- Identify and manage the principal risks of Bank Muamalat
- Review the adequacy and integrity of Bank Muamalat's internal control system
- Review and approve the appointments of directors and directors' emoluments and benefits in accordance with relevant guidelines
- Review and approve the appointment and compensation of the Shariah Committee members and key senior management personnel holding the function of CEO and such other function as determined by the Board from time to time
- Approve changes to the corporate organisation structure
- Institute comprehensive policies, process and infrastructure to ensure Shariah compliance in all aspects of the Islamic bank's operations, products and activities
- Ensure that the Islamic bank has a beneficial influence on the economic well-being of its community

Directors may also seek independent professional advice, at Bank Muamalat's expense, when deemed necessary for the proper discharge of their duties.

Dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab mereka, para Pengarah sentiasa mengambil berat akan kepentingan dan kebimbangan masyarakat perniagaan, khususnya para pelanggan, pemegang saham serta semua pihak berkepentingan yang lain.

Tugas utama Lembaga Pengarah merangkumi:-

- Memberi panduan tentang pelan perniagaan tahunan Bank Muamalat serta arah tuju strategik secara keseluruhan
- Meluluskan belanjawan tahunan Bank Muamalat dan mengkaji semula secara berkala tentang kemajuan yang dicapai oleh pelbagai bahagian operasi dengan membandingkannya dengan sasaran perniagaan masing-masing
- Mengawasi operasi perniagaan dan prestasi kewangan Bank Muamalat
- Mengenal pasti dan menguruskan risiko utama Bank Muamalat
- Mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Bank Muamalat
- Mengkaji dan meluluskan pelantikan para pengarah serta emolomen dan manfaat pengarah menurut garis panduan yang relevan
- Mengkaji dan meluluskan pelantikan serta pampasan ahli Jawatankuasa Syariah dan kakitangan utama pengurusan kanan yang memegang fungsi Ketua Pegawai Eksekutif serta fungsi lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa
- Meluluskan perubahan terhadap struktur organisasi korporat
- Mewujudkan dasar, proses dan infrastruktur yang komprehensif bagi memastikan pematuhan terhadap Syariah dalam semua aspek operasi, produk dan aktiviti bank Islam
- Memastikan bahawa bank Islam mempunyai pengaruh yang bermanfaat terhadap kesejahteraan ekonomi masyarakatnya.

Para Pengarah juga boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atas perbelanjaan Bank Muamalat, apabila dirasakan perlu agar dapat menjalankan tugas dengan sewajarnya.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Board Meetings and Access to Information

Bank Muamalat's Board meetings are scheduled in advance before the end of the financial year, specifically before the end of the calendar year, so as to allow members of the Board to plan ahead and fit the coming years' Board and Board Committees meetings into their respective schedules.

The Board meets every month with additional meetings convened as and when urgent issues and important decisions are required to be taken between the scheduled meetings. Scheduled Board meetings are structured with a pre-set agenda.

The Directors are provided with the agenda and the meeting papers containing information relevant to the matters to be deliberated in advance of the meeting dates for their perusal. At each meeting, the Board receives updates from the respective Chairman/representatives of the Board Audit Committee and Board Risk Management Committee on matters that have been deliberated at both committees, as well as on matters that require attention.

The Board has direct access to the information of Bank Muamalat through the Senior Management as well as the services of the Company Secretary. The Company Secretary also ensures that a quorum is present at the commencement of each Board and Committee meeting in order to constitute a valid meeting.

Mesyuarat Lembaga dan Akses kepada Maklumat

Mesyuarat Bank Muamalat telah dijadualkan terlebih dahulu sebelum akhir tahun kewangan, khususnya sebelum berakhir tahun kalendar, bagi membolehkan ahli Lembaga merancang lebih awal dan memasukkan mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga untuk tahun berikutnya ke dalam jadual mereka masing-masing.

Lembaga bertemu setiap bulan dan mesyuarat tambahan akan diadakan jika dan apabila terdapat isu segera dan keputusan penting yang perlu dibuat di samping mesyuarat yang telah dijadualkan. Mesyuarat Lembaga yang telah dijadualkan distruktur mengikut agenda yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

Para Pengarah akan dibekalkan dengan agenda serta kertas mesyuarat yang mengandungi maklumat relevan tentang perkara yang perlu dipertimbangkan lebih awal daripada tarikh mesyuarat untuk penelitian mereka. Pada setiap mesyuarat, Lembaga akan menerima maklumat yang dikemas kini daripada Pengerusi/wakil Jawatankuasa Lembaga Audit dan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko masing-masing tentang perkara yang telah dipertimbangkan oleh kedua-dua jawatankuasa, dan juga perkara-perkara yang memerlukan perhatian.

Lembaga mempunyai akses langsung kepada maklumat Bank Muamalat melalui pihak Pengurusan Kanan serta perkhidmatan Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat juga turut memastikan kehadiran korum sewaktu bermulanya setiap mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa agar ia membentuk suatu mesyuarat yang sah.

The Board convened eighteen (18) meetings for the financial year ended 31 March 2010. The attendance of each director in office during the financial year is set out below:-

Lembaga telah mengadakan sebanyak lapan belas (18) mesyuarat untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2010. Kehadiran setiap pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dikemukakan seperti berikut:-

Directors/Pengarah	Number of Meetings and Attendance/ Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid (Chairman/Independent Non-Executive Director/Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	17/18
Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil (Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)	18/18
Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid (Executive Director/Chief Executive Director/Pengarah Eksekutif/Ketua Pengarah Eksekutif)	18/18
Haji Ismail Ibrahim (Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)	18/18
Haji Mohd Izani Ghani (Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas) (Appointed as Director on 1 March 2009/Dilantik sebagai Pengarah pada 1 Mac 2009)	15/15
Datin Azidah Mohd Jaafar (Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	18/18
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid (Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	18/18
Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman (Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	17/18
Dato' Azmi Abdullah (Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) (Appointed as Director on 16 September 2009/ Dilantik sebagai Pengarah pada 16 September 2009)	6/8

Training Programme for Directors

The Board assumes the responsibility to further enhance the skills and knowledge of the members on the relevant new laws and regulations and changing commercial risks, as well as to keep abreast with developments in the financial services industry. Each director attends at least one training programme, which is to be specifically identified by Bank Muamalat for its directors during the financial year.

Board Appointment Process

Bank Muamalat is governed by the Revised BNM/GP1-i in respect of the appointment of new directors and the re-appointment of its existing directors upon the expiry of their respective tenures of office as approved by BNM. All appointment of directors is subject to the approval by BNM.

Program Latihan untuk para Pengarah

Pihak Lembaga memikul tanggungjawab untuk memantapkan lagi kemahiran serta pengetahuan para ahli tentang undang-undang dan peraturan baru yang relevan serta risiko perdagangan yang berubah, di samping mengikuti perkembangan dalam industri perkhidmatan kewangan. Setiap pengarah menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan yang akan dikenal pasti secara khusus oleh Bank Muamalat untuk para pengarahnya semasa tahun kewangan.

Proses Pelantikan Lembaga

Bank Muamalat ditadbir oleh Semakan BNM/GP1-i berhubung pelantikan pengarah baru dan pelantikan semula pengarah sedia ada apabila tempoh memegang jawatan mereka masing-masing tamat, seperti yang diluluskan oleh BNM. Pelantikan kesemua pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan BNM.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The primary responsibility of the directors' appointment/re-appointment has been delegated to the Nomination Committee. The Nomination Committee comprises exclusively of non-executive directors, with the Chairman and the majority of whom are independent. In line with the Revised BNM/GP1-i, the Nomination Committee recommends to the Board suitable candidates for directorships and appointment of key senior personnel of Bank Muamalat and relevant subsidiaries. The Nomination Committee also ensures candidates satisfy the relevant requirements on the skills and core competencies of a director and are deemed fit and proper to be appointed as director in accordance with the "fit and proper" criteria.

The Nomination Committee has, during the year under review evaluated and recommended the appointment of Tuan Haji Mohd Izani Ghani (nominee of Khazanah Nasional Berhad) as a non-independent non executive director in the Board of Bank Muamalat. In addition, the Board also considered and approved the recommendation of the Nomination Committee on the appointment of Dato' Azmi Abdullah as an independent non-executive director.

The Board considers that the recent appointments of the above directors who bring their own unique skills, experience and knowledge in the commercial sector with exposure in the financial related industry will ensure that the critical competencies gaps identified by the Board are appropriately addressed and provide fresh insights that would help Bank Muamalat overcome challenges ahead.

Re-election of Directors

In accordance with Bank Muamalat's Articles of Association, all directors are subject to retirement by rotation at due intervals of rotation. Being eligible they may offer themselves for re-election, a process that enables the shareholders to vote them back into office.

Directors who are appointed as additional directors or to fill casual vacancies during the year are subject to re-election by the shareholders at the next Annual General Meeting following their appointment.

Tanggungjawab utama pelantikan/pelantikan semula pengarah telah diserahkan kepada Jawatankuasa Pencalonan. Jawatankuasa Pencalonan secara eksklusifnya terdiri daripada pengarah bukan eksekutif, yang mana Pengerusi serta sebahagian besar daripada mereka adalah bebas. Sejalan dengan Semakan BNM/GP1-i, Jawatankuasa Pencalonan mengesyorkan kepada Lembaga calon-calon yang sesuai untuk jawatan pengarah dan pelantikan kakitangan kanan utama bagi Bank serta subsidiari yang berkaitan. Jawatankuasa Pencalonan juga memastikan para calon memenuhi keperluan dari segi kemahiran serta kompetensi teras yang relevan untuk seorang pengarah dan dianggap sesuai serta wajar untuk dilantik sebagai pengarah menurut kriteria "sesuai dan wajar".

Untuk tahun dalam tinjauan, Jawatankuasa Pencalonan telah menilai dan mengesyorkan pelantikan Tuan Haji Mohd Izani Abdul Ghani (calon Khazanah Nasional Berhad) sebagai pengarah bukan bebas bukan eksekutif dalam Lembaga Pengarah Bank Muamalat. Selain itu, Lembaga juga turut mempertimbang dan meluluskan syor Jawatankuasa Syariah tentang pelantikan Dato' Azmi Abdullah sebagai pengarah bebas bukan eksekutif.

Lembaga menganggap bahawa pelantikan baru para pengarah di atas yang membawa bersama kemahiran, pengalaman serta pengetahuan unik mereka masing-masing dalam sektor perdagangan dengan pendedahan dalam industri berkaitan kewangan akan memastikan bahawa jurang kecekapan kritikal yang telah dikenal pasti oleh Lembaga dapat ditangani dengan sewajarnya serta memberi wawasan baru yang dapat membantu Bank Muamalat mengatasi cabaran mendatang.

Pelantikan Semula Pengarah

Menurut Tataurus Pertubuhan Bank Muamalat, semua pengarah adalah tertakluk kepada persaraan mengikut giliran pada selang waktu giliran yang telah ditetapkan. Sekiranya layak, mereka boleh menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula, suatu proses yang membolehkan para pemegang saham mengundi masuk mereka semula untuk memegang jawatan.

Pengarah yang dilantik sebagai pengarah tambahan atau untuk mengisi kekosongan biasa di sepanjang tahun adalah tertakluk kepada pelantikan semula oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan berikutan pelantikan mereka.

Annual Board Assessment

One of the broad responsibilities of the Nomination Committee is to provide a formal and transparent procedure for the assessment of effectiveness of individual directors and the board as a whole. In line with BNM/GP1-i and for this purpose, the Nomination Committee had conducted and established clear selection criteria, processes and procedures to assess each director's ability to contribute to the effective decision making of the Board. In addition, assessment would also be undertaken to gauge the effectiveness of the relevant Board Committees.

The annual board assessment exercise was primarily based upon the answers to a customised questionnaire which was prepared internally. The Nomination Committee upon its recent annual review carried out is satisfied that the size of the Bank Muamalat Board is optimum and there is an appropriate mix of knowledge, aptitude and core competencies in the composition of the Board. All the Directors comply with the "fit and proper" criteria as established by BNM in the Revised BNM/GP1-i.

BOARD COMMITTEES

The Board has established several Board Committees whose compositions and terms of reference are in accordance with the Revised BNM/GP1-i as well as best practices prescribed by the Code.

The Board Committees in Bank Muamalat are as follows:-

1. Board Audit Committee

The Board Audit Committee comprises of members of the Board of Directors responsible to fulfill the oversight function in relation to the adequacy and integrity of system of internal controls and financial reporting, risk management and compliance with internal policies, procedures and external applicable rules and regulations.

The Board Audit Committee is authorised by the Board to investigate any activities within its terms of reference and has unrestricted access to both the internal and external auditors and Senior Management team of Bank Muamalat.

Penilaian Tahunan Lembaga

Salah satu tanggungjawab am Jawatankuasa Pencalonan ialah untuk menyediakan suatu tatacara formal serta telus untuk menilai keberkesanan pengarah secara individu dan lembaga secara keseluruhan. Untuk tujuan itu dan selaras dengan BNM/GP1-i, Jawatankuasa Pencalonan telah melaksana dan menetapkan kriteria pemilihan, proses serta tatacara yang jelas bagi menilai keupayaan setiap pengarah dalam menyumbang kepada keberkesanan Lembaga membuat keputusan. Selain itu, penilaian juga akan dibuat untuk mengukur keberkesanan Jawatankuasa Lembaga yang berkaitan.

Urusan penilaian tahunan lembaga pengarah dibuat terutamanya berdasarkan jawapan kepada soal selidik yang disesuaikan dan disediakan oleh pihak dalaman. Setelah menjalankan kajian tahunannya baru-baru ini, Jawatankuasa Pencalonan berpuas hati bahawa saiz Lembaga Pengarah Bank Muamalat adalah optimum dan wujud percampuran ilmu pengetahuan, kebolehan serta kompetensi teras yang bersesuaian dalam komposisi Lembaga. Kesemua Pengarah memenuhi kriteria "sesuai dan wajar" seperti yang telah ditetapkan oleh BNM dalam Semakan BNM/GP1-i.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga di mana komposisi serta bidang tugas adalah mengikut Semakan BNM/GP1-i dan juga amalan terbaik yang telah ditetapkan oleh Kod.

Jawatankuasa Lembaga di dalam Bank Muamalat adalah seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Audit Lembaga

Jawatankuasa Audit Lembaga terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab mengisi fungsi pemerhati yang berkaitan dengan kecukupan serta integriti sistem kawalan dalaman dan pelaporan kewangan, pengurusan risiko serta pematuhan terhadap dasar dalaman, tatacara serta undang-undang dan peraturan luar yang boleh diguna pakai.

Jawatankuasa Audit Lembaga telah diberi kuasa oleh Lembaga untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam bidang tugasnya dan mempunyai akses yang tidak terhad kepada juruaudit dalaman dan luar serta pasukan Pengurusan Kanan Bank Muamalat.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The composition of the Board Audit Committee and the attendance of the meetings held in the year under review are as follows:-

Komposisi Jawatankuasa Audit Lembaga dan kehadiran dalam mesyuarat yang diadakan pada tahun dalam tinjauan adalah seperti berikut:-

Members of Audit Committee/Ahli Jawatankuasa Audit	Number of Meetings and Attendance/ Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid <i>(Chairman/Independent Non-Executive Director/Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	17/17
Datin Azidah Mohd Jaafar <i>(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	17/17
Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman <i>(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	14/17
Haji Ismail Ibrahim <i>(Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)</i>	17/17
Dato' Azmi Abdullah <i>(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i> <i>(Appointed as a member on 16 September 2009 and resigned on 23 November 2009/ Dilantik pada 16 September 2009 dan meletak jawatan pada 23 November 2009)</i>	2/2

The objectives and activities carried out by the Board Audit Committee during the year under review are summarised in the Internal Audit and Internal Control Activities as stated in pages 054 to 055 of this Annual Report.

Objektif serta aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga sepanjang tahun dalam tinjauan telah diringkaskan dalam Aktiviti Audit Dalaman dan Kawalan Dalaman seperti yang dikemukakan pada muka surat 054 hingga 055 dalam Laporan Tahunan ini.

2. Nomination Committee

The Nomination Committee provides a formal and transparent procedure for the appointment of directors, CEO and members of Shariah Committee as well as assessment of effectiveness of board as a whole, Shariah Committee members and performance of CEO and key senior management officers.

2. Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan menyediakan tatacara yang formal serta telus untuk melantik para pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Jawatankuasa Syariah, di samping menilai keberkesanan lembaga secara keseluruhan, ahli Jawatankuasa Syariah dan prestasi CEO dan pegawai pengurusan kanan utama.

The Nomination Committee comprises of non-executive directors, the Chairman and majority of who are independent. Meetings are held as and when required for the Nomination Committee to deliberate on related matters. The members of the Nomination Committee and the attendance for the year under review are as follows:-

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada pengarah bukan eksekutif, Pengerusi dan sebahagian besar daripada mereka adalah ahli bebas. Mesyuarat akan diadakan sebagai mana dan apabila perlu untuk Jawatankuasa Pencalonan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan. Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan kehadiran mereka untuk tahun dalam tinjauan adalah seperti berikut:-

Members of Nomination Committee/Ahli Jawatankuasa Penamaan	Number of Meetings and Attendance/ Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman (Chairman/(Independent Non-Executive Director/Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	5/7
Datin Azizah Mohd Jaafar (Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	7/7
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid (Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	7/7
Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil (Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas) (Appointed on 19 February 2009/Dilantik pada 19 Februari 2009)	5/5
Haji Mohd Izani Ghani (Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas) (Appointed on 21 April 2009/Dilantik pada 21 April 2009)	4/4
Haji Ismail Ibrahim (Resigned as member with effect from 21 April 2009/Meletak jawatan berkuatkuasa dari 21 April 2009)	3/3

Note: Datin Azizah Mohd Jaafar resigned as Chairman of Nomination Committee on 1 April 2009.

Nota: Datin Azizah Mohd Jaafar meletak jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan pada 1 April 2009

The primary duties and responsibilities of the Nomination Committee are as follows:-

- Establish minimum requirements for the board that is, the required mix of skills, experience, qualification and other core competencies required of a director. The committee is also responsible for establishing minimum requirements for the CEO
- Recommend and assess the nominees for directorship, board committee members, and Shariah Committee members as well as the CEO

Tugas serta tanggungjawab utama Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:-

- Menetapkan keperluan minimum untuk lembaga, iaitu percampuran kemahiran, pengalaman, kelayakan serta kompetensi teras yang lain yang diperlukan daripada seorang pengarah. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menentukan keperluan minimum untuk CEO
- Mencadang dan menilai calon-calon untuk jawatan pengarah, ahli jawatankuasa lembaga, dan ahli Jawatankuasa Syariah serta CEO

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- Oversee the overall composition of the Board, in terms of the appropriate size and skills, and balance between executive directors, non-executive directors and independent directors through annual review
- Recommend to the Board the removal of a director/CEO/Shariah Committee member from the board/management/committee if the director/CEO/Shariah Committee member is ineffective, errant and negligent in discharging his responsibilities
- Establish a mechanism for the annual formal assessment on the effectiveness of the board as a whole, assessment of the performance individual directors, the performance of the CEO and other key senior management officers (Executive Vice President and above)
- Oversee the appointment, management succession planning and performance evaluation of key senior management officers
- Recommend to the Board the removal of key senior management officers if they are ineffective, errant and negligent in discharging their responsibilities
- Menyelia keseluruhan komposisi Lembaga dari segi kewajaran saiz dan kemahiran, serta keseimbangan antara pengarah eksekutif, pengarah bukan eksekutif dan pengarah bebas, menerusi kajian tahunan
- Mencadangkan kepada Lembaga penyingkiran pengarah/CEO/Ahli Jawatankuasa Syariah daripada lembaga/pengurusan/jawatankuasa sekiranya pengarah/CEO/ahli Jawatankuasa Syariah tersebut tidak berkesan, menyeleweng dan cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya
- Menetapkan mekanisme untuk penilaian formal tahunan tentang keberkesanan lembaga secara keseluruhan, penilaian tentang prestasi pengarah secara individu, prestasi CEO serta pegawai utama pengurusan kanan yang lain (Naib Presiden Eksekutif dan ke atas)
- Menyelia pelantikan, perancangan penggantian anggota pengurusan serta penilaian prestasi pegawai utama pengurusan kanan
- Mengesyorkan kepada Lembaga penyingkiran pegawai utama pengurusan kanan sekiranya mereka tidak berkesan, menyeleweng serta cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka

3. Remuneration Committee

The Remuneration Committee provides a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, CEO and key senior management officers and ensuring that the Bank Muamalat's compensation package is competitive and consistent with its culture, objectives and strategies.

In addition, the Remuneration Committee is also responsible for developing remuneration policy for the Shariah Committee members that commensurate with their roles and responsibilities. The Remuneration Committee will then recommend the proposed remuneration package to the Board for its approval.

3. Jawatankuasa Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan menyediakan tatacara yang formal serta telus bagi merangka dasar imbuhan untuk para Pengarah, CEO dan pegawai utama pengurusan kanan dan memastikan bahawa pakej pampasan Bank Muamalat adalah kompetitif dan konsisten dengan budaya, objektif serta strateginya.

Selain itu, Jawatankuasa Imbuhan juga bertanggungjawab merangka dasar imbuhan untuk ahli Jawatankuasa Syariah yang berpadanan dengan peranan dan tanggungjawab mereka. Jawatankuasa Imbuhan kemudiannya akan mengesyorkan pakej imbuhan yang dicadangkan kepada Lembaga untuk kelulusannya.

The composition and the attendance for the year under review of the Remuneration Committee are as follows:-

Komposisi serta kehadiran Jawatankuasa Imbuan untuk tahun dalam tinjauan adalah seperti berikut:-

Members of Remuneration Committee/Ahli Jawatankuasa Imbuan	Number of Meetings and Attendance/ Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid <i>(Chairman/Independent Non-Executive Director/Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	10/10
Tengku Dato' Seri Hasmuiddin Tengku Othman <i>(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	9/10
Haji Ismail Ibrahim <i>(Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)</i>	10/10
Dato' Sri Haji Mohd Khamil Jamil <i>(Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas) (Appointed as member on 19 February 2009/Dilantik sebagai ahli pada 19 Februari 2009)</i>	9/9
Datin Azizah Mohd Jaafar <i>(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) (Resigned as member with effect from 21 April 2009/ Meletak jawatan berkuatkuasa dari 21 April 2009)</i>	2/2

The specific responsibilities of the Remuneration Committee, include amongst others, the following:-

- Provide a formal and transparent procedure for developing the remuneration for directors, Board Committee members, CEO, Shariah Committee and key senior management officers and to ensure that their compensation is competitive and consistent with Bank Muamalat's culture, objectives and strategy
- Recommend to the Board on the policies, strategies and framework for Bank Muamalat in relation to the remuneration, rewards and benefits
- Recommend the remuneration of the Shariah Committee members for the full board's approval. The remuneration shall commensurate and reflect the roles and responsibilities of the Shariah Committee

Tanggungjawab khusus Jawatankuasa Imbuan, antara lain, termasuk yang berikut:-

- Menyediakan tatacara yang formal serta telus bagi merangka imbuan untuk para pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga, ketua pegawai eksekutif, Jawatankuasa Syariah serta pegawai utama pengurusan kanan dan memastikan bahawa pampasan mereka adalah kompetitif dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Bank Muamalat
- Mengesyorkan kepada Lembaga tentang dasar, strategi serta rangka kerja untuk Bank Muamalat berhubung dengan imbuan, ganjaran dan faedah
- Mengesyorkan imbuan bagi ahli Jawatankuasa Syariah untuk kelulusan penuh lembaga. Imbuan tersebut hendaklah berpadanan serta mencerminkan peranan serta tanggungjawab Jawatankuasa Syariah

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

4. Board Risk Management Committee

The Board Risk Management Committee is authorised to oversee Management's activities in managing credit, market, liquidity, operational, legal and other risk and to ensure that the risk management process is in place and functioning. In addition, the Board Risk Management Committee is also responsible for ensuring that a comprehensive risk management infrastructure is in place for managing the risk associated with Mudharabah and Musharakah financing or investments.

The composition and the attendance for the year under review of the Board Risk Management Committee are as follows:-

Members of Board Risk Management Committee/ Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pengurusan Risiko	Number of Meetings and Attendance/ Bilangan Mesyuarat dan Kehadiran
Datin Azizah Mohd Jaafar <i>(Chairman/Independent Non-Executive Director/Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	17/17
Haji Abdul Jabbar Abdul Majid <i>(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	17/17
Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman <i>(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i> <i>(Appointed as member on 19 January 2009/Dilantik sebagai ahli pada 19 Januari 2009)</i>	14/17
Haji Mohd Izani Ghani <i>(Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)</i> <i>(Appointed as member on 21 April 2009/Dilantik sebagai ahli pada 21 April 2009)</i>	12/12
Dato' Azmi Abdullah <i>(Independent Non-Executive Director/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i> <i>(Appointed on 30 September 2009/Dilantik pada 30 September 2009)</i>	5/6
Haji Ismail Ibrahim <i>(Non-Independent Non-Executive Director/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)</i> <i>(Resigned as member with effect from 21 April 2009/Meletak jawatan berkuatkuasa dari 21 April 2009)</i>	5/5

The objectives and activities carried out by the Board Risk Management Committee during the year under review are summarised in the Risk Management statement as stated in pages 045 to 053 of this Annual Report.

4. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga telah diberi kuasa untuk menyelia aktiviti pihak Pengurusan dalam menguruskan risiko kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan serta risiko lain dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko telah tersedia dan berfungsi. Malah, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga juga bertanggungjawab dalam memastikan bahawa infrastruktur pengurusan yang komprehensif telah tersedia untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan pembiayaan atau pelaburan Mudharabah dan Musyarakah.

Komposisi serta kehadiran Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko untuk tahun dalam tinjauan adalah seperti berikut:-

Objektif serta aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga sepanjang tahun dalam tinjauan telah diringkaskan dalam Pernyataan Pengurusan Risiko seperti yang dibentangkan pada muka surat 045 hingga 053 di dalam Laporan Tahunan ini.

5. Shariah Committee

The Shariah Committee was established in accordance with the requirements of the Islamic Banking Act, 1983 as well as Bank Muamalat's Articles of Association, which prescribe the setting up a Shariah body to ensure that Bank Muamalat conducts its affairs in accordance with the Shariah principles. Members of the Shariah are scholars renowned for their knowledge and experience in Fiqh Muamalat.

Further details of the Shariah Committee are set out on pages 016 to 019 of this Annual Report.

6. Special Committee

In addition to the above committees, the Board has also established a Special Board Committee. The Special Board Committee is formed to guide and engage with Management and to provide Board Governance, Supervision and Leadership in ensuring that all recommendations as contained in the Lampiran 1 of the BNM's Examination Report dated 6th April 2007 and the undertaking given to BNM via letter of 4th July 2007 be complied and adhered to.

The Special Board Committee has been disbanded since April 2009.

INTERNAL AUDIT AND CONTROL ACTIVITIES

The Board has the overall responsibility for maintaining a system of internal controls that provides reasonable assurance of effective and efficient operations and compliance with laws and regulations, as well as internal procedures and guidelines.

The statement of internal control and activities of Bank Muamalat are summarised on page 055 of this Annual Report.

RELATED PARTY TRANSACTIONS

The details of related party transactions of Bank Muamalat are disclosed on page 129 under the Audited Financial Statement of this Annual Report.

5. Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah telah ditubuhkan mengikut keperluan Akta Perbankan Islam, 1983 serta Tataurusan Pertubuhan Bank, yang menetapkan penubuhan badan Syariah bagi memastikan bahawa Bank melaksanakan urusannya menurut prinsip Syariah. Anggota Syariah merupakan cendekiawan yang terkenal kerana pengetahuan dan pengalaman mereka dalam Fiqh Muamalat.

Butiran lanjut tentang Jawatankuasa Syariah ini dikemukakan pada muka surat 016 hingga 019 di dalam Laporan Tahunan ini.

6. Jawatankuasa Khas

Selain daripada jawatankuasa di atas, Lembaga juga telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Khas Lembaga. Jawatankuasa Khas Lembaga telah dibentuk untuk memimpin dan berurusan dengan pihak Pengurusan dan menyediakan Tadbir Urus, Penyeliaan dan Kepimpinan Lembaga bagi memastikan bahawa semua cadangan seperti yang terkandung di dalam Lampiran 1 Laporan Pemeriksaan BNM bertarikh 6hb April 2007 serta janji yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia menerusi surat bertarikh 4hb Julai 2007 dipatuhi dan diikuti.

Jawatankuasa Khas Lembaga telah dibubarkan sejak April 2009.

AKTIVITI AUDIT DALAMAN DAN KAWALAN

Lembaga mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah akan keberkesanan dan kecekapan operasi dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan, serta tatacara dan garis panduan dalaman.

Pernyataan kawalan dalaman dan aktiviti Bank Muamalat diringkaskan pada halaman 055 dalam Laporan Tahunan ini.

URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

Butiran mengenai urus niaga pihak berkaitan bagi Bank Muamalat dibentangkan pada muka surat 212 di bawah Penyata Kewangan Diaudit dalam Laporan Tahunan ini.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

MANAGEMENT REPORTS

At every Board meeting, a progress report on on-going projects of Bank Muamalat pertaining to products and services, information technology, recruitment, human resource, policies and procedures, regulatory requirement as well as income and expenses are submitted to the Board for review.

CORPORATE RESPONSIBILITY

As part of its shared values, Bank Muamalat is continuously developing and strengthening its relationship with the community. Through its Corporate Responsibility initiatives, Bank Muamalat willingly gives back to the community not just in monetary terms but also through the provision of products, services as well as educating the public on the importance of Islamic financial services through a series of 'ceramahs'.

Further details of the Corporate Responsibility Initiatives are set out on pages 056 to 059 of this Annual Report.

LAPORAN PENGURUSAN

Pada setiap mesyuarat Lembaga, laporan kemajuan tentang projek-projek Bank Muamalat yang sedang berjalan, yang berkaitan dengan produk serta perkhidmatan, teknologi maklumat, pengambilan pekerja, sumber manusia, dasar dan tatacara, keperluan kawal selia serta pendapatan dan perbelanjaan diserahkan kepada Lembaga untuk dikaji.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Sebagai sebahagian daripada perkongsian nilai, Bank Muamalat membangun serta memperkukuhkan hubungannya dengan masyarakat secara berterusan. Menerusi inisiatif Tanggungjawab Korporatnya, Bank Muamalat dengan sukarelanya memberi balik kepada masyarakat bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi juga menerusi peruntukan produk, perkhidmatan serta mendidik masyarakat tentang kepentingan perkhidmatan kewangan Islam menerusi beberapa siri ceramah.

Butiran lanjut tentang Inisiatif Tanggungjawab Korporat dikemukakan pada halaman 056 hingga 059 dalam Laporan Tahunan ini.

RISK MANAGEMENT PENGURUSAN RISIKO



RISK MANAGEMENT

PENGURUSAN RISIKO

OVERVIEW

The implementation of Integrated Risk Management infrastructure has enabled Bank Muamalat to manage its risks and business opportunities, across the various business operations. It can be described as the strategy and technique of managing risks by taking a holistic approach towards risk management process, which includes risk identification, measurement and control. It also aims at integrating the controls and optimisation of the principal risk areas of Credit Risk, Market Risk, Asset and Liability Management, and Operational Risk, and building the requisite risk management organisation, infrastructure, process and technology with the objective of advancing the Bank towards sustainable earnings.

OBJECTIVES

The objectives of Bank Muamalat's integrated risk management framework include the following:

- (a) Identifying all the risks exposures and their impact;
- (b) Establishing sound policies and procedures in line with Bank Muamalat's strategy, lines of business and nature of operations;
- (c) Setting out an enterprise-wide organisation structure and defining the appropriate roles and responsibilities; and
- (d) Inculcating the risk culture bank-wide.

RISK GOVERNANCE

An integrated risk management structure is necessary to form strong risk governance and ensure a uniform view of risks across Bank Muamalat.

The Board has the overall responsibility to understand the risks undertaken by Bank Muamalat and to ensure that these risks are properly managed. While the Board is ultimately responsible for risk management of Bank Muamalat, it has entrusted the Board Risk Management Committee (BRMC), which is chaired by an independent director of the Board to oversee the overall management of risks.

TINJAUAN

Pelaksanaan infrastruktur Pengurusan Risiko Bersepadu telah membolehkan Bank Muamalat menguruskan risiko serta peluang perniagaannya dalam semua operasi perniagaannya. Ia boleh digambarkan sebagai strategi serta teknik untuk menguruskan risiko dengan mengambil pendekatan holistik terhadap proses pengurusan risiko, yang merangkumi mengenal pasti, mengukur dan mengawal risiko. Ia juga bertujuan menyepadukan kawalan dan mengoptimumkan bidang risiko utama bagi Risiko Kredit, Risiko Pasaran, Pengurusan Aset dan Liabiliti serta Risiko Operasi, dan membina organisasi, infrastruktur, proses dan teknologi pengurusan risiko yang diperlukan dengan matlamat untuk memajukan Bank ke arah perolehan yang mampan.

OBJEKTIF

Objektif rangka kerja pengurusan risiko bersepadu Bank Muamalat merangkumi yang berikut:-

- (a) Mengetahui semua pendedahan risiko serta kesannya;
- (b) Mewujudkan dasar serta tatacara yang mantap, sejajar dengan strategi, bidang perniagaan dan jenis operasi Bank Muamalat;
- (c) Membentuk suatu struktur organisasi yang merangkumi seluruh bank dan menetapkan peranan serta tanggungjawab yang munasabah; dan
- (d) memupuk budaya risiko di seluruh bank.

TADBIR URUS RISIKO

Suatu struktur pengurusan risiko yang bersepadu adalah perlu untuk membentuk tadbir urus risiko yang kukuh serta memastikan pandangan yang seragam terhadap risiko di seluruh Bank Muamalat.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk memahami risiko yang diambil oleh Bank Muamalat dan memastikan bahawa risiko tersebut diuruskan dengan betul. Sungguhpun pada akhirnya Lembaga Pengarah akan bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko Bank, ia telah mengamanahkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (BRMC), yang dipengerusikan oleh seorang pengarah bebas Lembaga Pengarah untuk mengawasi pengurusan risiko secara keseluruhan.

Bank Muamalat's Management is responsible for the execution of the Board's risk strategies and policies while Executive Risk Management Committee (ERMC) conducts the functions. ERMC focuses on the overall business strategies and day-to-day business operations of Bank Muamalat in respect of risk management. To carry out the day-to-day risk management functions, a dedicated Risk Management Department (RMD) headed by Chief Risk Officer supports the above committee.

Pihak Pengurusan Bank Muamalat bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi serta dasar risiko Bank, manakala Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko (ERMC) mengendalikan fungsinya. ERMC menumpukan kepada keseluruhan strategi perniagaan serta operasi perniagaan Bank Muamalat hari ke hari dari segi pengurusan risiko. Untuk melaksanakan fungsi pengurusan risiko hari ke hari, Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) yang khusus dan diketuai oleh Ketua Pegawai Risiko menyokong jawatankuasa di atas.

Board of Directors/
Lembaga Pengarah
Board Risk Management Committee/
Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko

Board Audit Committee/
Jawatankuasa Lembaga Audit
Shariah Committee/
Jawatankuasa Syariah

BOARD LEVEL
PERINGKAT
LEMBAGA

Executive Risk Management Committee/
Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Risiko
Credit Committee (CCA & CCB)/
Jawatankuasa Kredit (CCA & CCB)
Internal Audit Committee/
Jawatankuasa Audit Dalaman
Credit Recovery Committee/
Jawatankuasa Pemulihan Kredit
Investment Committee/
Jawatankuasa Pelaburan

Asset Liability Committee/
Jawatankuasa Aset Liabiliti
Operational Risk
Management Committee/
Jawatankuasa Operasi
Pengurusan Risiko

MANAGEMENT LEVEL
PERINGKAT
PENGURUSAN

Risk Management Department/
Jabatan Pengurusan Risiko
Credit Management Division/
Bahagian Pengurusan Kredit
Shariah Department/
Jabatan Syariah

Internal Audit Department/
Jabatan Audit Dalaman
Bank's Line Management/
Pengurusan Garis Bank

WORKING LEVEL
PERINGKAT
KERJA

RISK MANAGEMENT ORGANISATION STRUCTURE STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN RISIKO

RISK MANAGEMENT

PENGURUSAN RISIKO

KEY AREAS OF RISK MANAGEMENT

Credit Risk Management

Credit Risk is defined as the potential loss to Bank Muamalat as a result of defaults in payment by counter parties arising from financing and investment activities. The primary objective of Credit Risk Management is to identify, quantify, aggregate and manage credit risk exposures of Bank Muamalat. The output and analysis of these objectives has become extremely important in risk management in order to ensure that Bank Muamalat's exposures to credit is always kept within Bank Muamalat's risk appetite. Credit risk management function is to keep credit risk exposure to an acceptable level vis-a-vis the capital, and to ensure the returns commensurate with risk.

Under Pillar 2 of Risk Weighted Capital Adequacy Framework (Basel II) for credit risk, Bank Muamalat has in place related financing guidelines in managing its exposure to avoid undue concentration of credit risk in its financing portfolio such as countries, business segments, economic sectors, single customer exposure limits, high risk assets, connected parties, financial & non-financial institutions, counterparties and collaterals.

The management of credit risk is governed by a full set of credit related policies currently incorporated in the Guidelines to Credit Risk Policies, which have been in accordance with the Integrated Risk Management Framework, BNM's Guidelines, Capital Adequacy Framework for Islamic Banks, and Islamic Financial Services Board. The policies & guidelines have been reviewed and updated regularly in line with Bank Muamalat's risk appetite.

Internal Rating Models

As part of the Credit Risk Management's initiatives, Bank Muamalat has implemented its own internal credit rating system for business and consumer financing incorporating quantitative and qualitative factors of the counter parties. The credit risk rating is an important tool in monitoring the quality of individual credits, as well as the total portfolio. Hence, Bank Muamalat from time to time will revise the rating system to be consistent with the nature, size and complexity of Bank Muamalat's activities.

BIDANG UTAMA DALAM PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko Kredit

Risiko Kredit ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank Muamalat akibat kemungkinan pembayaran oleh pihak berlawanan dan ia timbul daripada aktiviti pembiayaan serta pelaburan. Objektif utama Pengurusan Risiko Kredit ialah untuk mengenal pasti, menentukan kuantiti, mengetahui agregat dan menguruskan pendedahan risiko kredit Bank Muamalat. Output serta analisis objektif ini adalah amat penting dalam menguruskan risiko demi memastikan bahawa pendedahan Bank Muamalat kepada kredit sentiasa berada dalam lingkungan penerimaan risiko Bank Muamalat. Fungsi pengurusan risiko kredit ialah untuk mengawal pendedahan risiko kredit pada tahap yang boleh diterima berbanding dengan modal, dan memastikan pulangannya adalah sepadan dengan risiko.

Di bawah Tiang 2 Rangka Kerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko (Basel II) untuk risiko kredit, Bank Muamalat telah menyediakan garis panduan pembiayaan yang berkaitan untuk menguruskan pendedahannya demi mengelakkan penumpuan risiko kredit yang tidak wajar di dalam portfolio pembiayaannya, seperti negara, segmen perniagaan, sektor ekonomi, had pendedahan seorang pelanggan, aset berisiko tinggi, pihak berkaitan, institusi kewangan & bukan kewangan, pihak berlawanan serta cagaran.

Pengurusan risiko kredit diuruskan oleh suatu set dasar berkaitan kredit yang lengkap dan yang kini dirangkumkan ke dalam Garis Panduan tentang Dasar Risiko Kredit, yang selaras dengan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bersepadu, Garis Panduan BNM, Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank Islam, dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam. Dasar serta garis panduan telah dikaji semula dan sentiasa dikemas kini selaras dengan selera dan penerimaan risiko Bank Muamalat.

Model Penarafan Dalaman

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Pengurusan Risiko Kredit, Bank Muamalat telah melaksanakan sistem penarafan kredit dalamannya sendiri untuk pembiayaan perniagaan dan pengguna yang memasukkan faktor kuantiti serta kualiti bagi pihak berlawanan. Penarafan risiko kredit merupakan alat yang penting untuk memantau kualiti kredit individu, serta keseluruhan portfolio. Justeru itu, dari semasa ke semasa, Bank Muamalat akan menyemak semula sistem penarafan agar sejajar dengan jenis, saiz serta kerumitan aktiviti Bank Muamalat.

During the year 2009, Bank Muamalat started its initiatives to acquire credit rating system based on Statistical Approach which would enable the Bank to compute Probability of Default (PD), Loss Given Default (LGD), and Expected Loss at Default (EAD) to cater for FRS 139 and to move forward to IRB Approach of Basel II. The credit rating system generates scores based on both quantitative and qualitative factors of each counterparty. It will improve Bank Muamalat's evaluation of the risk of financing applicants by enabling Bank Muamalat to have a consistent and empirically driven measurement of risk, aggregate the different facets of risk, link risk to returns and measure risk adjusted returns, price products and services based on risk adjusted returns, set risks appetites at aggregate and unit level, derive capital (and risk) limits based on risk measures, (re)allocate capital to strategic business units in order to optimise risk adjusted returns, and exit from undesirable risk or portfolios, and thereby, optimise shareholder values.

Sector Exposure Limit

Credit Risk Management performs yearly review of exposure limits for each sector and recommends the relevant limits to BRMC for approval. Bank Muamalat ensures that the risk limits are appropriate and justified for the business activities of each specified sector/industry.

Stress Testing

The stress testing activities for credit and investment are conducted within the parameters and guidelines stipulated in the Stress Testing Framework. The stress test results are tabled to BRMC and Board for deliberation and action accordingly.

Muamalat Banking Solution (MBS)

Bank Muamalat is embarking on a new integrated system (bankwide), namely MBS. The MBS intends to upgrade the Information System of Credit Risk Management amongst others, Collateral Management System, Credit Analytics for both consumer and business financing to ensure timely risk analysis and more effective decision making, and Credit Portfolio Management.

Pada tahun 2009, Bank Muamalat telah memulakan inisiatifnya untuk mendapatkan sistem penarafan kredit berdasarkan Pendekatan Statistik yang akan membolehkan Bank mengira Kebarangkalian Berlaku Kemungkinan (PD), Kerugian Akibat Mungkir (LGD), dan Jangkaan Kerugian kerana Mungkir (EAD) untuk memenuhi FRS 139 dan maju kearah Pendekatan IRB Basel II. Sistem penarafan kredit menghasilkan markah berdasarkan kedua-dua faktor kuantitatif dan kualitatif bagi setiap pihak yang berlawanan. Ia akan memperbaiki penilaian Bank Muamalat terhadap risiko membiayai pemohon dengan membolehkan Bank Muamalat memiliki kaedah pengukuran risiko yang konsisten dan didorong secara empirik, mengagregatkan faset risiko yang berbeza, mengaitkan risiko kepada pulangan dan mengukur pulangan terlaras risiko, menetapkan harga produk dan perkhidmatan berdasarkan pulangan terlaras risiko, menetapkan selera atau penerimaan risiko pada tahap agregat dan unit, memperolehi had modal (dan risiko) berdasarkan pengukuran risiko, memperuntukkan (semula) modal kepada unit perniagaan strategik agar dapat mengoptimumkan pulangan terlaras risiko, serta keluar daripada risiko atau portfolio yang tidak diingini, dan dengan demikian mengoptimumkan nilai para pemegang saham.

Had Pendedahan Sektor

Pengurusan Risiko Kredit melakukan kajian tahunan terhadap had pendedahan untuk setiap sektor dan mengesyorkan had yang relevan kepada BRMC untuk kelulusan. Bank Muamalat memastikan bahawa had risiko adalah berpatutan dan wajar untuk aktiviti perniagaan bagi setiap sektor/industri yang ditentukan.

Ujian Tekanan

Aktiviti ujian tekanan untuk kredit dan pelaburan dijalankan mengikut batasan serta garis panduan yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Ujian Tekanan. Keputusan ujian tekanan dibentangkan kepada BRMC serta Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan tindakan yang sewajarnya.

Penyelesaian Perbankan Muamalat (MBS)

Bank Muamalat akan mula menggunakan sistem bersepadu baru (seluruh bank), yang dinamakan MBS. MBS berhasrat untuk mempertingkatkan Sistem Maklumat Pengurusan Risiko Kredit, antaranya Sistem Pengurusan Cagaran, Analisis Kredit untuk pembiayaan pengguna dan perniagaan bagi memastikan analisis risiko yang tepat pada masanya dan membuat keputusan secara lebih berkesan, serta Pengurusan Portfolio Kredit.

RISK MANAGEMENT

PENGURUSAN RISIKO

Market Risk Management and Asset Liability Management

Bank Muamalat's market risk management and ALM objectives are to:

- Ensure the implementation of an effective market risk management system;
- Assume an appropriate balance between the level of risk and the level of return desired in order to maximise the return to shareholders' funds;
- Ensure prudent management of Bank Muamalat's resources to support the growth of Bank Muamalat's economic value; and
- Proactively manage Bank Muamalat's balance sheet in order to maximise earnings and attain its strategic goal within the overall risk/return preferences.

In order for Bank Muamalat to achieve its objectives, Bank Muamalat has put in place an effective market risk and ALM management process which involves risk identification, measurement, mitigation, monitoring and reporting.

Market Risk Management Structure

Risk authorities are assigned to BRMC which will be responsible for establishing, documenting, enforcing and approving all policies which relate to market risks. This includes approval of policies applicable to the measurement, management of risk and detailed review of risk limits.

The Board shall approve risk tolerance levels and broad-based limits in relation to market risk upon recommendation by BRMC. The BRMC delegates the execution of strategies and policies to Bank Muamalat's management namely ERMCM chaired by the CEO.

ERMCM is supported at the working level by the independent Market Risk and ALM Section of RMD that ensures the effective management of market risk and asset-liability of Bank Muamalat.

Pengurusan Risiko Pasaran dan Pengurusan Liabiliti Aset

Pengurusan risiko pasaran dan matlamat ALM Bank Muamalat adalah untuk:

- Memastikan pelaksanaan sistem pengurusan risiko pasaran yang berkesan;
- Mewujudkan keseimbangan yang sewajarnya di antara tahap risiko serta tahap pulangan yang diinginkan agar dapat memaksimumkan pulangan kepada dana pemegang saham;
- Memastikan pengurusan sumber Bank Muamalat dilakukan dengan berhemat bagi menyokong pertumbuhan nilai ekonomi Bank Muamalat; dan
- Menguruskan secara proaktif kunci kira-kira Bank Muamalat agar dapat memaksimumkan perolehan dan mencapai matlamat strategiknya dalam batas keutamaan risiko/pulangan secara keseluruhan.

Agar berupaya mencapai objektifnya, Bank Muamalat telah mewujudkan proses risiko pasaran dan pengurusan ALM yang berkesan dan melibatkan mengenal pasti, mengukur, mengurangkan, memantau dan melaporkan tentang risiko.

Struktur Pengurusan Risiko Pasaran

Pihak berkuasa risiko telah ditugaskan kepada BRMC, yang bertanggungjawab mewujudkan, mendokumen, menguatkuasa dan meluluskan semua dasar yang berkaitan dengan risiko pasaran. Ini termasuk meluluskan dasar yang boleh diguna pakai untuk mengukur, menguruskan risiko dan kajian terperinci ke atas had risiko.

Lembaga Pengarah akan meluluskan tahap toleransi risiko serta had yang lebih luas asasnya berkaitan dengan risiko pasaran setelah disyorkan oleh BRMC. BRMC menugaskan kerja pelaksanaan strategi dan dasar kepada pihak pengurusan Bank Muamalat, iaitu ERMCM yang dipengerusikan oleh CEO.

ERMCM disokong di peringkat kerja oleh Bahagian Risiko Pasaran bebas dan ALM di bawah RMD yang memastikan keberkesanan pengurusan risiko pasaran dan aset-liabiliti Bank Muamalat.

Market Risk Measurement

Modified Duration

Modified duration is used to measure the sensitivity of Bank Muamalat's portfolio ensuring that Bank Muamalat is not exposed to excessive downside risk as a result of changes in market risk factors such as market prices and yield. The modified duration limit is set based on the overall portfolio and its impact towards the changes in the rate of returns. Bank Muamalat computes the modified duration on daily basis.

Other Risk Measures

Monte-Carlo Value at Risk (VaR) is widely used by Bank Muamalat as a tool to measure the risk of loss on a specific portfolio of financial assets, limit setting activities and market forecasting.

Stress testing and scenario analyses

Stress testing and scenario analyses are used as market risk and ALM tools for evaluation of potential impact on Bank Muamalat's performance under identified plausible extreme adverse conditions.

Pengukuran Risiko Pasaran

Tempoh Terubah Suai

Tempoh terubah suai digunakan untuk mengukur kepekaan portfolio Bank Muamalat bagi memastikan Bank Muamalat tidak terdedah kepada risiko ke bawah yang berlebihan akibat perubahan dalam faktor risiko pasaran seperti harga pasaran dan hasil. Had tempoh terubah suai ditetapkan berdasarkan keseluruhan portfolio dan kesannya terhadap perubahan dalam kadar pulangan. Bank Muamalat mengira tempoh terubah suai atas dasar harian.

Langkah-langkah Risiko yang Lain

Nilai Berisiko (VaR) Monte-Carlo digunakan dengan meluas oleh Bank Muamalat sebagai alat untuk mengukur risiko kerugian ke atas portfolio aset kewangan tertentu, aktiviti penetapan had dan ramalan pasaran.

Ujian tekanan dan analisis senario

Ujian tekanan dan analisis senario digunakan sebagai alat risiko pasaran dan ALM untuk menilai kesan yang berkemungkinan ke atas prestasi Bank Muamalat di bawah keadaan amat buruk yang boleh dikenal pasti secara munasabah.

STRESS TEST FACTORS FAKTOR UJIAN TEKANAN

Funding Liquidity
Kecairan Pendanaan
Market/Asset Liquidity
Kecairan Pasaran/Aset
Benchmark Rate Risk
Risiko Kadar Tanda Aras
Currency Volatility
Turun Naik Mata Wang

STRESS TEST IMPACTS KESAN UJIAN TEKANAN

Impact on Bank Muamalat's Earnings at Risk (EAR)
Kesan ke atas Perolehan Berisiko (EAR) Bank
Impact on Bank Muamalat's Risk Weighted Capital Ratio (RWCR)
Kesan ke atas Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) Bank

RISK MANAGEMENT

PENGURUSAN RISIKO

Impact on the Earnings at Risk (EAR)

Bank Muamalat uses the earnings perspective approach in assessing Bank Muamalat's liquidity risk exposure (funding & market/asset), benchmark rate risk exposure and Foreign exchange volatility exposure.

Impact on RWCR

The EAR is used to measure the impact on the budgeted capital position (Tier 1 and Tier 2). Together with the budgeted growth, the impact on RWCR is then assessed.

Operational Risk Management

Operational Risk Management (ORM) is the discipline of systematically identifying the causes of failures in the organisation's day to day operations, assessing the potential cost and taking the appropriate actions to minimise the impact of such losses.

The increasing need for effective and robust operational risk management is driven by several factors which include:

- Significant operational losses experienced by Bank Muamalat;
- New regulatory requirements and international best practices;
- Rapid changes in the business environment;
- Growing need to optimise economic capital and measurement performance; and
- Protection and enhancement of shareholder value.

To ensure appropriate response to these factors, Bank Muamalat has undertaken a holistic approach to operational risk management. The building blocks of Bank Muamalat's ORM are specific tools and methodologies to gather, define, group, assess, monitor, mitigate and model the operational risks that affect the Bank Muamalat. The operational risk tools are:

- Risk Register;
- Risk and Control Self Assessment (RCSA);
- Key Risk Indicators (KRI);
- Loss Data Collection; and
- Mitigation-Disaster Recovery Plan (DRP) and Business Continuity Plan (BCP).

Kesan ke atas Perolehan Berisiko (EAR) Bank Muamalat

Bank Muamalat menggunakan pendekatan perspektif perolehan bagi menilai pendedahan risiko kecairan (pendanaan & pasaran/aset), pendedahan risiko kadar tanda aras serta pendedahan turun naik matawang asing.

Kesan ke atas Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) Bank

EAR digunakan untuk mengukur kesan ke atas kedudukan modal dibelanjawankan (Tingkat 1 dan Tingkat 2). Bersama dengan pertumbuhan dibelanjawankan, kesan ke atas RWCR akan ditaksir.

Pengurusan Risiko Operasi

Pengurusan Risiko Operasi (ORM) merupakan disiplin untuk mengenal pasti secara sistematik punca kegagalan di dalam operasi harian organisasi, menaksir potensi kos dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminimumkan kesan kerugian tersebut.

Keperluan terhadap pengurusan risiko operasi yang berkesan dan teguh didorong oleh beberapa faktor yang merangkumi:

- Kerugian besar operasi yang dialami oleh Bank Muamalat;
- Keperluan kawal selia baru serta amalan terbaik antarabangsa;
- Perubahan pesat dalam persekitaran perniagaan;
- Meningkatnya keperluan untuk mengoptimumkan modal ekonomi dan pengukuran prestasi; dan
- Melindungi dan memantapkan nilai para pemegang saham.

Bagi memastikan jawapan yang sewajarnya terhadap faktor-faktor ini, Bank Muamalat telah mengambil pendekatan holistik terhadap pengurusan risiko operasi. Blok binaan ORM Bank Muamalat merupakan alat serta metodologi yang khusus untuk menghimpun, mentakrif, mengumpul, mengakses, memantau, mengurangkan dan memperaga risiko operasi yang memberi kesan kepada Bank Muamalat. Alat risiko operasi adalah:

- Daftar Risiko;
- Swataksir Risiko dan Kawalan (RCSA);
- Petunjuk Risiko Utama (KRI);
- Pengumpulan Data yang Hilang; dan
- Pelegaan-Pelan Pemulihan Bencana (DRP) serta Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP).

These tools work together and in an integrated manner within Bank Muamalat's ORM Framework to enable a balanced and holistic management and measurement of operational risk exposure.

Bank Muamalat's overall governance model for ORM is premised on the concept of Three Lines of Defence:

First Line of Defence

As primary operational risk owners and risk takers, business units will have the foremost responsibility for managing operational risk exposures on a day-to-day basis. Business units have access to information, including that of risk, and should always be mindful of the risk elements inherent in their business activities.

Second Line of Defence

On Bank Muamalat-wide level, the task of setting the overall ORM Framework encompassing measurement, monitoring and controlling tools, methodologies, setting the risk appetite, as well as facilitating identification of risks is undertaken by RMD.

Third Line of Defence

The key role of Internal Audit Department is to provide the independent assurance on the adequacy and effectiveness of the ORM Framework and process.

BASEL II IMPLEMENTATION

Bank Muamalat is adopting the Standardised Approach for the measurement of credit risks and market risks and the Basic Indicator Approach for operational risk, in compliance with BNM's requirements vis-a-vis the Central Bank's Capital Adequacy Framework for Islamic Banks.

As per BNM's requirement through its Concept Paper on Supervisory Review Process for Islamic Banks (Pillar 2), all Islamic Banks are to establish an Internal Capital Adequacy Assessment Process (ICAAP) Report/Framework in order to effectively manage the risk and adequacy of capital, taking into account the inherent risk associated with Islamic banking operations and services.

Basel II requirements also have been included and incorporated as part of the MBS's system implementation. The MBS Basel II system design and data requirements are based on Basel II Standardised Approach. Reports generated from the MBS system for Basel II are based on CAFIB's requirements.

Alat-alat ini boleh berfungsi secara bersepadu dalam ruang lingkup Rangka Kerja ORM Bank Muamalat untuk membolehkan pengurusan yang seimbang dan holistik serta pengukuran pendedahan risiko operasi.

Model tadbir urus keseluruhan Bank Muamalat untuk ORM adalah berasaskan konsep Tiga Baris Pertahanan:

Baris Pertahanan Pertama

Sebagai pemilik risiko operasi utama dan pengambil risiko, unit perniagaan mempunyai tanggungjawab terpenting untuk menguruskan pendedahan risiko operasi atas dasar hari ke hari. Unit perniagaan mempunyai akses kepada maklumat, termasuk mengenai risiko, dan harus sentiasa beringat tentang unsur-unsur risiko yang sedia ada dalam aktiviti perniagaan mereka.

Barisan Pertahanan Kedua

Di peringkat keseluruhan Bank Muamalat, tugas untuk menyediakan keseluruhan Rangka Kerja ORM yang merangkumi peralatan mengukur, memantau dan mengawal, metodologi, menetapkan selera penerimaan risiko, serta membantu mengenal pasti risiko dilakukan oleh Jabatan Pengurusan Risiko.

Barisan Pertahanan Ketiga

Peranan utama Jabatan Audit Dalaman ialah untuk memberikan jaminan bebas tentang kecukupan dan keberkesanan Rangka Kerja serta proses ORM.

PELAKSANAAN BASEL II

Bank Muamalat mengguna pakai Pendekatan Terpiawai untuk mengukur risiko kredit dan risiko pasaran serta Pendekatan Penunjuk Asas untuk risiko operasi sebagai mematuhi keperluan BNM berbanding Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank Islam yang ditetapkan oleh Bank Pusat.

Menurut keperluan BNM menerusi Kertas Konsepnya tentang Proses Kajian Semula Penyeliaan untuk Bank Islam (Tiang 2), semua Bank Islam perlu mewujudkan suatu Laporan/Rangka Kerja Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP) agar dapat menguruskan dengan berkesan risiko dan kecukupan modal, dengan mengambil kira risiko sedia ada yang berkaitan dengan operasi dan perkhidmatan perbankan Islam.

Keperluan Basel II turut dimasukkan dan digabungkan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan sistem MBS Bank Muamalat. Reka bentuk dan keperluan data sistem MBS Basel II adalah berasaskan Pendekatan Terpiawai Basel II. Laporan yang diperolehi daripada sistem MBS untuk Basel II adalah berdasarkan keperluan CAFIB.

INTERNAL AUDIT AND INTERNAL CONTROL ACTIVITIES

AKTIVITI AUDIT DALAMAN DAN KAWALAN DALAMAN



The Board Audit Committee (BAC) affirms their responsibility to ensure that Bank Muamalat's system of internal control is adequate and effective to manage the risk profile within Bank Muamalat's risk appetite and recognises the need for, and the value of, a sound system of internal control Bank-wide.

The BAC is supported by the Internal Audit Department (IAD), which forms an integral part of the governance processes in Bank Muamalat. The IAD assists the BAC by providing reasonable assurance and value-added recommendations on the adequacy, integrity, and effectiveness of the system of internal controls and financing reporting, and compliance with internal policies, procedures, and external applicable rules and regulations.

The IAD, which is guided by its Audit Charter approved by the Board, conducts independent risk-based audits based on an annual audit plan approved by the BAC. In preparation of the audit plan, the IAD has taken into consideration the business strategy, objectives, risk, and internal controls environment of Bank Muamalat and its operating units. IAD also:-

- monitors Bank Muamalat's management of the risks, internal controls, and compliance matters through a structured audit approach. Periodic audits are carried out on Head Office units, branches, and key business processes, as well as investigations on fraudulent and suspected fraudulent activities and irregularities
- provides independent and objective reports for the BAC's review and deliberation in their periodic meeting. The BAC reviews all the significant findings, recommendations, and action plans reported by the IAD, as well as by the Management, external auditors, and regulators. Monitoring on implementation progress of audit recommendations are also in place. The BAC also reviews the internal audit functions with particular emphasis on the adequacy of staffing, scope, quality of audits, and independence of the internal audit function

Policies and procedures to ensure compliance with internal controls and the relevant laws and regulations are set out in the respective manuals, guidelines, and directives issued by Bank Muamalat and the regulatory authorities, which are updated from time to time.

Jawatankuasa Lembaga Audit Lembaga (BAC) mengesahkan tanggungjawab mereka dalam memastikan bahawa sistem kawalan dalaman Bank Muamalat adalah memadai dan berkesan untuk menguruskan profil risiko dalam had risiko dan serta menyedari akan keperluan dan nilai sebuah sistem kawalan dalaman yang utuh di seluruh Bank.

BAC disokong oleh Jabatan Audit Dalaman (IAD) yang menjadi sebahagian penting proses tadbir urus dalam Bank Muamalat. IAD membantu BAC dengan memberikan jaminan yang munasabah serta syor-syor nilai tambah tentang kecukupan, integriti serta keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pelaporan kewangan, serta pematuhan dengan dasar dalaman, tatacara dan undang-undang serta peraturan luar yang boleh diguna pakai.

IAD yang berpandukan Piagam Audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, menjalankan audit berasaskan risiko bebas mengikut pelan audit tahunan yang diluluskan oleh BAC. Dalam menyediakan pelan audit, IAD telah mengambil kira strategi perniagaan, objektif, risiko dan persekitaran kawalan dalaman Bank Muamalat serta unit-unit operasinya. IAD juga:-

- memantau pengurusan risiko, kawalan dalaman dan perkara-perkara pematuhan Bank Muamalat menerusi pendekatan audit yang berstruktur. Audit berkala dilaksanakan ke atas unit-unit Ibu Pejabat, cawangan serta proses perniagaan utama di samping penyiasatan terhadap aktiviti penipuan dan penipuan yang disyaki serta yang tak tidak mematuhi peraturan
Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, PeerMohamed Ibramsha, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Bank Muamalat Malaysia Berhad, dengan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan dan dibentang pada muka surat 169 hingga 242 adalah pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama di atas PeerMohamed Ibramsha
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan
pada 21 Mei 2010

PeerMohamed Ibramsha

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Kami, Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad, dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami, operasi Bank, berdasarkan usaha terbaiknya untuk tempoh berakhir 31 Mac 2010 dan mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, telah dilaksanakan menurut prinsip-prinsip Syariah.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah,

Azizi Che Seman

Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mei 2010

Profesor Madya Dr. Mohamad Sabri Haron

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli Bank Muamalat Malaysia Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Bank Muamalat Malaysia Berhad, yang terdiri daripada lembaran imbangan Kumpulan dan Bank pada 31 Mac 2010, dan penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti serta penyata aliran tunai Kumpulan dan Bank untuk tempoh berakhirnya, dan ringkasan dasar perakaunan penting serta nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 169 hingga 242.

Tanggungjawab Pengarah terhadap penyata kewangan

Para pengarah Bank bertanggungjawab terhadap penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, seperti yang telah diubah suai oleh Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Prinsip Syariah serta Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan serta pembentangan penyata kewangan yang saksama iaitu bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh *fraud* atau kesilapan, memilih dan menggunakan pakai dasar perakaunan yang bersesuaian; serta membuat anggaran perakaunan yang munasabah berdasarkan keadaan tertentu.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata material.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang telah dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata material dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh *fraud* atau kesilapan. Dalam melakukan penilaian risiko tersebut, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan Bank bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Bank. Sesuatu audit juga melibatkan penilaian tentang kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan serta kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, di samping menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan wajar untuk menjadi asas kepada pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan dengan wajarnya mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, seperti yang telah diubah suai oleh Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Prinsip Syariah serta Akta Syarikat, 1965 di Malaysia agar dapat memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank pada 31 Mac 2010 serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tempoh kewangan yang berakhir.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli Bank Muamalat Malaysia Berhad

LAPORAN TENTANG KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA YANG LAIN

Mengikut keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami turut melaporkan perkara berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Bank dan subsidiarinya telah disimpan dengan betul menurut peruntukan Akta.
- (b) Kami berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Bank adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai serta wajar untuk tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat serta penjelasan yang memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.
- (c) Laporan juruaudit tentang akaun subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang kelayakan dan tidak memasukkan sebarang ulasan yang perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Bank, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak memikul tanggungjawab kepada pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young

AF: 0039

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

21 Mei 2010

Mohd. Sukarno bin Tun Sardon

No. 1697/03/11(J)

Akauntan Bertauliah

LEMBARAN IMBANGAN

pada 31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

	Nota	Kumpulan		Bank	
		31.3.2010 RM'000	31.12.2008 RM'000	31.3.2010 RM'000	31.12.2008 RM'000
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	4	5,775,383	5,067,282	5,775,383	5,067,282
Sekuriti:					
Dipegang hingga matang	5(a)	28,224	30,891	28,224	30,891
Tersedia untuk dijual	5(b)	4,012,805	2,871,016	4,012,805	2,871,016
Pembiayaan pelanggan	6	6,630,159	6,027,516	6,630,405	6,042,668
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	8	87,821	251,771	87,821	251,771
Aset-aset lain	9	67,566	70,502	67,078	64,797
Hartanah, loji dan peralatan	10	84,079	43,822	84,034	43,724
Pembayaran pra-bayar pajakan tanah	11	260	265	260	265
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	12	-	-	6,402	7,675
Aset cukai tertunda (bersih)	13	27,915	35,580	27,915	35,580
Aset tidak ketara	14	-	-	-	-
Jumlah aset		16,714,212	14,398,645	16,720,327	14,415,669
LIABILITI					
Deposit dari pelanggan	15	14,920,856	12,447,970	14,927,848	12,464,698
Deposit dan penempatan dari bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain	16	16,361	250,425	16,361	250,425
Bil dan penerimaan belum bayar		92,224	651,916	92,224	651,916
Liabiliti-liabiliti lain	17	96,422	95,883	96,297	95,775
Peruntukan zakat dan cukai	18	19,218	215	19,143	215
Bon subordinat	20	250,000	250,000	250,000	250,000
Jumlah liabiliti		15,395,081	13,696,409	15,401,873	13,713,029
EKUITI PEMEGANG SAHAM					
Modal saham	19	1,000,000	500,000	1,000,000	500,000
Rizab	21	319,131	202,236	318,454	202,640
JUMLAH EKUITI PEMEGANG SAHAM		1,319,131	702,236	1,318,454	702,640
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM		16,714,212	14,398,645	16,720,327	14,415,669
KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN					
	36	5,732,029	6,132,497	5,732,029	6,132,497
KECUKUPAN MODAL *					
	41				
Nisbah modal teras		13.9%	8.8%	13.9%	8.8%
Nisbah modal berwajaran risiko		17.6%	12.9%	17.5%	12.8%

* Nisbah-nisbah kecukupan modal adalah dikira setelah mengambilkira risiko kredit dan pasaran.

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN

bagi tempoh bermula 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

	Nota	Kumpulan		Bank	
		1.1.2009 hingga 31.3.2010 RM'000	1.1.2008 hingga 31.12.2008 RM'000	1.1.2009 hingga 31.3.2010 RM'000	1.1.2008 hingga 31.12.2008 RM'000
Pendapatan diperolehi daripada pelaburan dana pendeposit dan lain-lain	22	865,193	718,333	865,193	719,178
Pendapatan hasil daripada pelaburan dana pemegang saham	23	77,527	72,338	76,832	71,150
Peruntukan bagi kerugian pembiayaan	24	(161,189)	(166,137)	(161,065)	(166,368)
Perolehan semula bagi komitmen dan kontingensi		82	1,000	82	1,000
Kerugian rosot nilai	25	(37,779)	(21,739)	(39,152)	(23,568)
(Kerugian)/Keuntungan mengikut pasaran ke atas derivatif		(4,527)	1,977	(4,527)	1,977
Lain-lain perbelanjaan terus bersangkutan pelaburan dana pendeposit dan dana pemegang saham		(29,641)	(22,703)	(29,739)	(22,703)
JUMLAH PENDAPATAN UNTUK AGIHAN		709,666	583,069	707,624	580,666
Pendapatan kepada pendeposit	26	(269,956)	(318,851)	(270,109)	(319,023)
JUMLAH PENDAPATAN BERSIH		439,710	264,218	437,515	261,643
Perbelanjaan kakitangan	27	(152,086)	(100,266)	(151,636)	(99,831)
Perbelanjaan dan overhead lain	30	(126,032)	(104,259)	(125,714)	(103,802)
Kos pembiayaan	31	(19,531)	(15,625)	(19,531)	(15,625)
KEUNTUNGAN SEBELUM ZAKAT DAN CUKAI		142,061	44,068	140,634	42,385
Zakat	32	(241)	(215)	(241)	(215)
Cukai	33	(42,986)	(11,902)	(42,865)	(11,875)
JUMLAH BERSIH KEUNTUNGAN BAGI TEMPOH KEWANGAN		98,834	31,951	97,528	30,295
PENDAPATAN SESAHAM BOLEH AGIH KEPADA PEMEGANG EKUITI BANK (SEN)					
Asas	34(a)	11.0	8.0		
Cair	34(b)	11.0	6.4		

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI YANG DISATUKAN

bagi tempoh mulai 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

	<===== Boleh Diagihkan kepada Pemegang Ekuiti Bank =====>						
	<==== Modal Saham =====>			<===== Tidak boleh diagihkan =====>			
	Saham Keutamaan Musyarakah tidak boleh tebus, tidak terkumpul boleh tukar		Rizab berkanun*	Rizab pertukaran turun naik	Kerugian belum peroleh atas sekuriti tersedia untuk dijual	Keuntungan terkumpul boleh diagih	Jumlah ekuiti
	Modal saham biasa RM'000	RM'000					
KUMPULAN							
Pada 1 Januari 2008	250,000	250,000	140,713	-	(4,518)	101,136	737,331
Perbezaan pertukaran matawang	-	-	-	661	-		661
Kerugian bersih belum peroleh hasil penilaian semula sekuriti tersedia untuk dijual	-	-	-	-	(67,707)	-	(67,707)
Keuntungan/(kerugian) bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	-	661	(67,707)	-	(67,046)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	31,951	31,951
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	15,975	-	-	(15,975)	-
Penebusan kepada saham biasa pada tahun kewangan	147,275	(147,275)	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2008	397,275	102,725	156,688	661	(72,225)	117,112	702,236
Pada 1 Januari 2009	397,275	102,725	156,688	661	(72,225)	117,112	702,236
Perbezaan pertukaran matawang	-	-	-	(1,191)	-		(1,191)
Keuntungan bersih belum peroleh hasil penilaian semula sekuriti tersedia untuk dijual	-	-	-	-	19,252	-	19,252
(Kerugian)/keuntungan bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	-	(1,191)	19,252	-	18,061
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	-	-	-	98,834	98,834
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	49,417	-	-	(49,417)	-
Diterbitkan pada tempoh kewangan	500,000	-	-	-	-	-	500,000
Penebusan kepada saham biasa pada tempoh semasa	102,725	(102,725)	-	-	-	-	-
Pada 31 Mac 2010	1,000,000	-	206,105	(530)	(52,973)	166,529	1,319,131

* Rizab berkanun adalah diperuntukkan bagi mematuhi Seksyen 15 Akta Perbankan Islam 1983 dan tidak boleh diagihkan sebagai dividen.

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

bagi tempoh berakhir 31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

BANK	<==== Modal Saham =====>		<===== Tidak diagihkan =====>					Jumlah ekuiti RM'000
	Modal saham biasa RM'000	Saham Keutamaan Musyarakah tidak boleh tebus, tidak terkumpul boleh tukar RM'000	Rizab berkanun* RM'000	Rizab pertukaran turun naik RM'000	Kerugian belum peroleh atas sekuriti tersedia untuk dijual RM'000	Keuntungan terkumpul boleh diagih RM'000		
Pada 1 Januari 2008	250,000	250,000	140,684	-	(4,626)	103,301	739,359	
Perbezaan pertukaran matawang	-	-	-	661	-	-	661	
Kerugian bersih belum peroleh hasil penilaian semula sekuriti tersedia untuk dijual	-	-	-	-	(67,675)	-	(67,675)	
Keuntungan/(kerugian) bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	-	661	(67,675)	-	(67,014)	
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	30,295	30,295	
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	15,148	-	-	(15,148)	-	
Penebusan kepada saham biasa pada tahun kewangan	147,275	(147,275)	-	-	-	-	-	
Pada 31 Disember 2008	397,275	102,725	155,832	661	(72,301)	118,448	702,640	
Pada 1 Januari 2009	397,275	102,725	155,832	661	(72,301)	118,448	702,640	
Perbezaan pertukaran matawang	-	-	-	(1,191)	-	-	(1,191)	
Keuntungan bersih belum peroleh hasil penilaian semula sekuriti tersedia untuk dijual	-	-	-	-	19,477	-	19,477	
(Kerugian)/keuntungan bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	-	(1,191)	19,477	-	18,286	
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	-	-	-	97,528	97,528	
Pindahan ke rizab berkanun	-	-	48,764	-	-	(48,764)	-	
Diterbitkan pada tempoh kewangan	500,000	-	-	-	-	-	500,000	
Penebusan kepada saham biasa pada tempoh semasa	102,725	(102,725)	-	-	-	-	-	
Pada 31 Mac 2010	1,000,000	-	204,596	(530)	(52,824)	167,212	1,318,454	

* Rizab berkanun adalah diperuntukkan bagi mematuhi Seksyen 15 Akta Perbankan Islam 1983 dan tidak boleh diagihkan sebagai dividen.

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tempoh mulai 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2009 hingga 31.3.2010 RM'000	1.1.2008 hingga 31.12.2008 RM'000	1.1.2009 hingga 31.3.2010 RM'000	1.1.2008 hingga 31.12.2008 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	142,061	44,068	140,634	42,385
Pelarasan untuk				
Pelunasan pembayaran pra-bayar pajakan tanah	5	4	5	4
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	14,504	12,412	14,467	12,378
(Keuntungan)/kerugian pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(21)	4	(21)	4
Hartanah, loji dan peralatan yang dihapuskira	16	-	-	-
Kerugian/(keuntungan) mengikut pasaran ke atas derivatif	4,527	(1,977)	4,527	(1,977)
Pelunasan premium kurang pertambahan diskaun	12,547	(12,253)	12,547	(12,253)
Keuntungan bersih dari pelupusan sekuriti tersedia untuk dijual	(2,974)	(1,992)	(2,974)	(1,992)
Keuntungan bersih dari pelupusan sekuriti dipegang untuk didagang	(14,255)	(1,546)	(14,255)	(1,546)
Keuntungan bersih daripada urusniaga pertukaran asing	(17,057)	(14,015)	(17,057)	(14,015)
Rosot nilai	37,779	21,739	39,152	23,568
Peruntukan bagi kerugian pembiayaan	161,189	166,137	161,065	166,368
Perolehan semula bagi komitmen dan kontingensi	(82)	(1,000)	(82)	(1,000)
Pendapatan dividen	(5,141)	(2,702)	(5,141)	(2,702)
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	333,098	208,879	332,867	209,222
(PENINGKATAN)/PENGURANGAN DALAM ASET OPERASI:				
Pembiayaan pelanggan	(764,056)	(603,467)	(748,801)	(624,911)
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	163,950	36,700	163,950	36,700
Aset-aset lain	2,936	(4,363)	(2,281)	1,342
PENINGKATAN/(PENGURANGAN) DALAM LIABILITI OPERASI:				
Deposit dari pelanggan	2,472,886	290,134	2,463,150	306,862
Deposit dan penempatan bank-bank dan institusi-institusi kewangan lain	(234,064)	-	(234,064)	-
Bil dan penerimaan belum bayar	(559,692)	307,976	(559,692)	307,976
Liabiliti-liabiliti lain	621	21,166	604	20,125
Tunai dijanakan dari operasi	1,415,679	257,025	1,415,733	257,316
Pembayaran zakat	-	(430)	-	(430)
Pembayaran cukai	(23,168)	(14,274)	(23,122)	(14,274)
TUNAI BERSIH DIJANAKAN DARI AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI	1,392,511	242,321	1,392,611	242,612
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN				
(Pembelian)/perolehan sekuriti, bersih	(1,134,795)	367,752	(1,134,795)	367,752
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	176	3	176	3
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(54,932)	(11,711)	(54,932)	(11,682)
Pelaburan tambahan dalam subsidiari	-	-	(100)	-
Pendapatan dividen	5,141	2,702	5,141	2,702
TUNAI BERSIH (DIGUNA DALAM)/DIJANA DARI AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN	(1,184,410)	358,746	(1,184,510)	358,775

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tempoh mulai 1 Januari 2009 hingga 31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

	Kumpulan		Bank	
	1.1.2009 hingga 31.3.2010 RM'000	1.1.2008 hingga 31.12.2008 RM'000	1.1.2009 hingga 31.3.2010 RM'000	1.1.2008 hingga 31.12.2008 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Perolehan daripada penerbitan saham biasa	500,000	–	500,000	–
TUNAI BERSIH DIJANAKAN DARI				
AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN	500,000	–	500,000	–
PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN SETARA TUNAI	708,101	601,067	708,101	601,387
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TEMPOH	5,067,282	4,466,215	5,067,282	4,465,895
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	5,775,383	5,067,282	5,775,383	5,067,282
TUNAI DAN SETARA TUNAI TERDIRI DARIPADA				
Tunai dan dana jangka pendek	5,775,383	5,067,282	5,775,383	5,067,282

Nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

1. MAKLUMAT KORPORAT

Penglibatan utama Bank ialah dalam semua aspek perniagaan perbankan dan pembiayaan Islam serta peruntukan perkhidmatan yang berkaitan, menurut prinsip Syariah.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti ini di sepanjang tempoh kewangan.

Aktiviti utama subsidiari adalah seperti yang dibentangkan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

Bank ini merupakan Bank Islam berlesen di bawah Akta Perbankan Islam, 1983, yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia. Pejabat berdaftar Bank terletak di Tingkat 20, Menara Bumiputra, Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

Bank induk dan syarikat induk muktamad bank masing-masing ialah DRB-HICOM Berhad serta Etika Strategi Sdn. Bhd., yang mana kedua-duanya diperbadankan di Malaysia. DRB-HICOM Berhad ialah sebuah syarikat liabiliti terhad awam dan tersenarai di papan utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Penyata kewangan telah diberi kebenaran untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah mengikut resolusi pengarah pada 21 Mei 2010.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan berdasarkan peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") seperti yang telah diubah suai oleh Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Prinsip Syariah, serta Akta Bank, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan ini dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan dibundarkan kepada ribu (RM'000) terdekat, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dasar perakaunan di bawah.

(b) Subsidiari dan asas penyatuan

(i) Subsidiari

Subsidiari merupakan entiti di mana Kumpulan mempunyai keupayaan untuk mengawal dasar kewangan dan operasinya agar mendapat faedah daripada aktiviti mereka. Kewujudan serta kesan potensi hak mengundi yang buat masa ini boleh dilaksanakan atau boleh ditukar akan dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mempunyai kuasa yang sedemikian terhadap entiti lain.

Dalam penyata kewangan Bank yang berasingan, pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Dengan pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawasanya dimasukkan ke dalam untung atau rugi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(b) Subsidiari dan asas penyatuan (samb.)

(ii) Asas penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Bank dan subsidiarinya pada tarikh lembaran imbalan. Penyata kewangan subsidiari disediakan untuk tarikh pelaporan yang sama dengan Bank.

Subsidiari disatukan dari tarikh pemerolehan, iaitu tarikh di mana Kumpulan memperoleh kawalan, dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut terhenti. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, baki, urusan niaga serta keuntungan atau kerugian belum terealisasi dalam kumpulan akan dihapuskan sepenuhnya. Dasar perakaunan yang seragam diguna pakai dalam penyata kewangan disatukan untuk urusan niaga yang serupa serta peristiwa dalam keadaan yang sama.

Pemerolehan subsidiari diambil kira menggunakan kaedah pembelian. Kaedah pembelian perakaunan melibatkan peruntukan kos pemerolehan kepada nilai saksama aset yang diperolehi dan liabiliti serta liabiliti kontingen yang diambil alih pada tarikh pemerolehan. Kos pemerolehan diukur sebagai agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran, bagi aset berkenaan, liabiliti yang bertanggung atau diambil alih, dan instrumen ekuiti yang diterbitkan, termasuk sebarang kos yang berpunca secara langsung daripada pemerolehan itu.

Sebarang lebihan kos pemerolehan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih bagi aset, liabiliti dan liabiliti kontingen yang dikenal pasti, mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih bagi aset, liabiliti dan liabiliti kontingen yang dikenal pasti ke atas kos pemerolehan diiktiraf terus dalam untung atau rugi.

Kepentingan minoriti mewakili bahagian untung dan rugi serta aset bersih dalam subsidiari yang tidak dipegang oleh Kumpulan. Ia diukur mengikut bahagian nilai saksama minoriti bagi aset dan liabiliti subsidiari yang dikenal pasti pada tarikh pemerolehan dan bahagian minoriti bagi pertukaran dalam ekuiti subsidiari sejak dari itu.

(c) Muhibah

Muhibah yang diperolehi dalam gabungan perniagaan pada awalnya diukur pada kos yang merupakan lebihan kos gabungan perniagaan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih bagi aset, liabiliti dan liabiliti kontingen yang dikenal pasti. Berikutan pengiktirafan awal ini, muhibah diukur pada kos tolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Muhibah tidak dilunaskan tetapi sebaliknya, ia dikaji semula untuk rosot nilai secara tahunan atau lebih kerap lagi jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaannya mungkin terjejas. Keuntungan dan kerugian atas pelupusan entiti adalah termasuk jumlah bawaan muhibah yang berkaitan dengan entiti yang dijual.

(d) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbalan apabila Kumpulan telah menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut. Dasar perakaunan berkenaan pengiktirafan dan pengukuran perkara ini dibentangkan dalam dasar perakaunan mereka masing-masing.

Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti mengikut bahan persetujuan berkontrak. Dividen, keuntungan dan kerugian yang berkaitan dengan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Agihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti akan dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan akan diimbangi apabila Kumpulan mempunyai hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi dan merancang untuk diselesaikan atas dasar bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(d) Instrumen kewangan (samb.)

(i) *Tunai dan kesamaan tunai*

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai merangkumi tunai dan baki di bank serta dana jangka pendek dengan baki tempoh mencapai tahap matang adalah kurang dari satu bulan.

(ii) *Pembiayaan pelanggan*

Pembiayaan dinyatakan selepas menolak peruntukan untuk kemungkinan kerugian.

(e) Peruntukan untuk pembiayaan rosot nilai

Peruntukan khusus dibuat untuk pembiayaan rosot nilai, yang mana ia telah dikaji semula secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai substandard, ragu atau lapuk.

Suatu peruntukan am berdasarkan peratusan portfolio pembiayaan turut dibuat. Peratusan ini dikaji semula setiap tahun dengan mengambil kira pengalaman lalu serta keadaan semasa dan pelarasan dibuat kepada keseluruhan peruntukan am, jika perlu.

Sebarang pembiayaan yang tidak boleh diperolehi atau sebahagian pembiayaan yang dikelaskan sebagai lapuk akan dihapus kira selepas mempertimbangkan nilai kolateral yang boleh direalisasi, jika ada, apabila pada pendapat para pengarah, tiada prospek untuk mendapatkannya semula.

Peruntukan khusus yang disediakan untuk pembiayaan rosot nilai telah dibuat dengan mematuhi sepenuhnya BNM/GP3. Peruntukan tambahan untuk pembiayaan rosot nilai disediakan apabila jumlah yang boleh didapatkan kembali adalah lebih rendah daripada nilai buku bersih pembiayaan (jumlah pembiayaan yang belum dijelaskan, bersih daripada peruntukan khusus) serta pembiayaan tak berbayar yang lama belum dijelaskan atas dasar berikut:

- (i) memperuntukkan lima puluh peratus (50%) daripada nilai jualan terpaksa bagi hartanah yang dipegang sebagai kolateral untuk pembiayaan tak berbayar dan belum dijelaskan selama lebih lima (5) tahun tetapi kurang daripada tujuh (7) tahun; dan
- (ii) tiada nilai akan diperuntukkan bagi kolateral pembiayaan tak berbayar yang belum dijelaskan selama tujuh (7) tahun dan ke atas.

Sebarang peruntukan yang dibuat sepanjang tahun ini telah dicajkan kepada penyata pendapatan.

Bank Negara Malaysia telah memberi keistimewaan kepada Kumpulan dan Bank kerana mematuhi keperluan berkenaan rosot nilai pembiayaan di bawah Garis Panduan BNM mengenai Pelaporan Kewangan untuk Bank Islam Berlesen ("BNM/GP8-i") untuk tahun semasa dan sebelumnya.

Pembiayaan dikelaskan sebagai tak berbayar dan substandard apabila pembayaran balik tertunggak selama lebih daripada tiga (3) bulan dari hari pertama ingkar atau selepas tarikh matang.

Peruntukan khusus untuk hutang dan pembiayaan ragu Kumpulan serta Bank dikira berdasarkan keperluan BNM/GP3, yang konsisten dengan pemakaian yang dibuat dalam penyata kewangan tahunan yang telah diaudit sebelumnya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(f) Sekuriti

Pemegangan sekuriti Kumpulan dan Bank diasingkan berdasarkan kategori dan kaedah penilaian berikut:

(i) *Sekuriti dipegang untuk dagangan*

Sekuriti dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia diperolehi terutamanya untuk tujuan memperoleh faedah daripada pergerakan harga jangka pendek yang sebenar ataupun yang dijangkakan atau untuk keuntungan arbitraj. Sekuriti yang dipegang untuk dagangan akan dinyatakan pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksamanya serta penyahiktirafan sekuriti yang dipegang untuk dagangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) *Sekuriti tersedia untuk dijual*

Sekuriti tersedia untuk dijual ialah aset kewangan yang tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan atau dipegang sehingga matang. Sekuriti yang tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama atau pada kos pelunasan (tolak kerugian rosot nilai) jika nilai saksamanya tidak boleh diukur secara andal. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf terus dalam ekuiti menerusi penyata perubahan ekuiti, sehingga aset kewangan dijual, dikutip, dilupuskan atau terjejas, yang mana pada waktu itu keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelumnya diiktiraf dalam ekuiti akan dipindahkan ke penyata pendapatan.

(iii) *Sekuriti dipegang sehingga matang*

Sekuriti dipegang sehingga matang merupakan aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditetapkan dan kematangan tetap yang mana Kumpulan serta Bank mempunyai hasrat positif dan kemampuan untuk memegangnya sehingga matang. Sekuriti yang dipegang hingga matang diukur pada kos tambahan/pelunasan berdasarkan kaedah hasil berkesan. Pelunasan premium, penambahan diskaun dan rosot nilai serta keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan sekuriti yang dipegang hingga matang diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Anggaran nilai saksama bagi sekuriti dipegang untuk dagangan dan sekuriti tersedia untuk dijual adalah berdasarkan harga pasaran yang disebut harga dan boleh dilihat pada tarikh lembaran imbalan. Apabila tiada harga pasaran yang disebut harga atau boleh dilihat, nilai saksama dianggar menggunakan model penentuan harga atau teknik aliran tunai terdiskaun. Apabila teknik aliran tunai terdiskaun digunakan, anggaran aliran tunai masa depan akan terdiskaun berdasarkan kadar pasaran semasa untuk instrumen yang serupa pada tarikh lembaran imbalan.

(g) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh ia diisytiharkan.

Kos urusaniaga bagi urusaniaga ekuiti diambil kira sebagai potongan daripada ekuiti, bersih daripada cukai. Kos urusaniaga ekuiti hanya merangkumi kos luar tambahan yang berpunca secara langsung daripada urusaniaga ekuiti yang mana jika tidak, akan dielak.

Balasan yang dibayar, termasuk kos urusaniaga berpunca dari pembelian semula saham biasa Bank yang belum dibatalkan, dikelaskan sebagai saham perbendaharaan dan dikemukakan sebagai potongan daripada ekuiti. Tiada keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bagi jualan, terbitan semula melalui jualan semula, perbezaan antara balasan jualan dan jumlah bawaan diiktiraf dalam ekuiti.

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(h) Derivatif

(a) *Kontrak tukaran asing*

Kedudukan dagangan tukaran asing, termasuk kontrak semasa dan hadapan, dinilai semula mengikut kadar pasaran semasa pada tarikh lembaran imbalan dan hasil keuntungan serta kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(b) *Kadar keuntungan dan pertukaran mata wang asing*

Semua instrumen kewangan derivatif diukur pada nilai saksama dan dibawa sebagai aset apabila nilai saksamanya positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksamanya negatif. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali jika ia merupakan sebahagian daripada hubungan lindungan nilai yang melayakkannya untuk perakaunan lindung nilai di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf seperti berikut:

(i) *Lindung nilai saksama*

Dalam instrumen kewangan derivatif melindungi nilai, perubahan dalam nilai saksama bagi aset atau liabiliti yang dikenalpasti, sebarang keuntungan atau kerugian atas instrumen lindung nilai itu diiktiraf dalam penyata pendapatan. Perkara lindung nilai ini juga dinyatakan pada nilai saksama berhubung dengan risiko yang dilindung nilai, dengan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) *Lindung nilai aliran tunai*

Keuntungan dan kerugian ke atas instrumen lindung nilai, akan tertunda dalam komponen ekuiti yang berasingan, sehingga ke tahap di mana lindung nilai tersebut berkesan. Bahagian tak berkesan bagi sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan dan kerugian tertunda akan dikeluarkan ke penyata pendapatan dalam tempoh di mana perkara lindung nilai tersebut memberi kesan kepada penyata pendapatan.

(i) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih.

Kos ditentukan menggunakan kaedah masuk dahulu, keluar dahulu.

Nilai boleh direalisasi bersih ialah harga jualan teranggar dalam perjalanan biasa perniagaan ditolak kos penyediaan teranggar serta kos teranggar yang diperlukan untuk melakukan jualan.

(j) Hartanah, loji dan peralatan serta susutnilai

Semua butiran hartanah, loji dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos. Kos berikutnya akan dimasukkan ke dalam jumlah bawaan aset tersebut atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, sebagai mana wajar, hanya apabila ada kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depan yang berkaitan dengan butiran tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan Bank dan kos butiran itu boleh diukur secara andal. Jumlah bawaan bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicajkan ke penyata pendapatan dalam tempoh kewangan ianya ditanggung.

Selepas diiktiraf, hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(j) Hartanah, loji dan peralatan serta susutnilai (samb.)

Tanah pegangan kekal mempunyai hayat penggunaan yang tidak terhad dan justeru itu ia tidak disusutnilai. Kerja pengubahsuaian yang sedang dalam proses juga tidak disusutnilai kerana aset sebegini masih belum tersedia untuk digunakan.

Susutnilai hartanah, loji dan peralatan lain ditentukan mengikut dasar garis lurus bagi menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang hayat penggunaan teranggar, pada kadar tahunan berikut:

Bangunan	3%
Tanah pegangan pajak jangka panjang	3%
Perabot dan peralatan pejabat	15%
Penambahbaikan dan pengubahsuaian bangunan	20%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan komputer	20% – 33.3%

Kaedah nilai sisa, hayat penggunaan dan susutnilai akan dikaji semula pada setiap penghujung tahun kewangan bagi memastikan bahawa jumlah, kaedah serta tempoh susutnilai adalah konsisten dengan anggaran terdahulu dan jangkaan bentuk penggunaan bagi faedah ekonomi di masa hadapan yang terangkum dalam butiran hartanah, loji dan peralatan.

Butiran hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf apabila dilupuskan atau apabila faedah ekonomi masa hadapan adalah dijangkakan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih, jika ada, serta jumlah bawaan bersih diiktiraf dalam untung atau rugi dan bahagian lebihan penilaian semula yang belum digunakan bagi butiran tersebut akan dibawa terus ke perolehan tertahan.

(k) Mata wang asing

(i) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti di dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan disatukan dibentang dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsian Bank.

(ii) Urusniaga mata wang asing

Dalam menyediakan penyata kewangan entiti individu, urusniaga dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian bagi entiti (mata wang asing) direkodkan dalam mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh lembaran imbalan, butiran kewangan dengan denominasi mata wang asing diterjemahkan mengikut kadar semasa pada tarikh lembaran imbalan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dengan denominasi dalam mata wang asing diterjemahkan mengikut kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditetapkan. Butiran bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata wang asing tidak diterjemah.

Perbezaan pertukaran yang timbul dari penyelesaian butiran kewangan, serta terjemahan butiran kewangan, dimasukkan ke dalam untung atau rugi bagi tahun tersebut.

(l) Bil dan penerimaan belum bayar

Bil dan penerimaan belum bayar mewakili bil dan penerimaan Kumpulan serta Bank yang didiskaun semula dan masih belum dijelaskan di pasaran.

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(m) Peruntukan untuk liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Bank mempunyai kewajipan semasa yang perlu ditunai akibat daripada peristiwa lalu dan ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi diperlukan untuk menunaikan kewajipan itu dan suatu anggaran yang andal bagi jumlah tersebut boleh dibuat. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan bagi menunjukkan anggaran semasa yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah material, peruntukan akan didiskaun menggunakan kadar pracukai semasa yang menggambarkan, yang bersesuaian, risiko yang khusus dengan liabiliti. Bila pendiskaunan digunakan, kenaikan dalam peruntukan yang disebabkan oleh masa yang berlalu diiktiraf sebagai kos kewangan.

(n) Liabiliti

Deposit daripada pelanggan, deposit dan penempatan di bank serta institusi-institusi kewangan dinyatakan pada nilai penempatan. Liabiliti-liabiliti lain dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(o) Faedah Kakitangan

(i) Faedah jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diterima oleh kakitangan Kumpulan dan Bank. Pampasan bagi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan meningkatkan hak mereka terhadap pampasan bagi ketidakhadiran di masa hadapan. Ketidakhadiran terimbuhi tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman wajib

Pelan caruman wajib ialah pelan faedah pascapekerjaan di mana Kumpulan dan Bank membayar caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif untuk membayar caruman lanjut jika dana tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja untuk tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam untung atau rugi sebagai liabiliti. Seperti dikehendaki undang-undang, syarikat di Malaysia membuat caruman tersebut kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

(p) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf sehingga ke tahap di mana ada kemungkinan faedah ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan Bank dan pendapatan tersebut boleh diukur dengan andal. Kriteria pengiktirafan khusus yang berikut juga mesti dipenuhi sebelum hasil diiktiraf:

(i) Pendapatan daripada pembiayaan

Pendapatan daripada pembiayaan pelanggan diiktiraf berdasarkan kaedah kadar pulangan malar. Pendapatan adalah termasuk pelunasan premium dan pertambahan diskaun. Pendapatan daripada sekuriti diiktiraf berdasarkan hasil berkesan.

Apabila akaun pembiayaan pelanggan dikelaskan sebagai tidak berbayar, pendapatan akan digantung sehingga ia direalisasi atas dasar tunai. Pendapatan pembiayaan yang diiktiraf sebelum dikelaskan sebagai tidak berbayar dianggap sebagai tidak boleh diperolehi, dan justeru itu suatu jumlah tambahan bagi peruntukan khusus akan dibuat. Akaun pelanggan dikelaskan sebagai tidak berbayar apabila pembayaran balik adalah tertunggak selama lebih daripada tiga bulan dari tarikh bermulanya pembiayaan tidak berbayar dan tiga bulan bagi bil perdagangan, penerimaan jurubank, resit amanah serta instrumen lain yang sama sifatnya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(p) Pengiktirafan pendapatan (samb.)

(ii) *Pengiktirafan yuran dan pendapatan lain*

Aturan pembiayaan, yuran pengurusan dan penyertaan, komisyen penaja jaminan dan yuran brokeraj diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan persetujuan berkontrak. Yuran jaminan diiktiraf sebagai pendapatan apabila jaminan dikeluarkan. Yuran daripada aktiviti penasihat dan kewangan korporat diiktiraf bersih daripada cukai perkhidmatan dan diskaun setelah selesai setiap peringkat tugas.

Pendapatan dividen daripada sekuriti diiktiraf apabila hak Bank untuk menerima bayaran ditetapkan.

(q) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan ke atas untung atau rugi bagi tahun terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jumlah jangkaan cukai pendapatan yang perlu dibayar berhubung dengan untung boleh cukai bagi tahun dan diukur menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda disediakan menggunakan kaedah liabiliti. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara dikurangkan, kerugian cukai belum guna serta kredit cukai belum guna sehingga ke tahap ada kemungkinan bahawa untung boleh cukai akan tersedia yang mana perbezaan sementara dikurangkan, kerugian cukai belum guna dan kredit cukai belum guna boleh dipergunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusaniaga yang bukannya gabungan perniagaan dan pada waktu urusaniaga, tidak menjejaskan sama ada untung perakaunan mahupun untung boleh cukai.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan diguna pakai sewaktu tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan ke dalam untung atau rugi semasa tempoh, kecuali apabila ia timbul daripada urusaniaga yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, yang mana dalam keadaan ini cukai tertunda turut diiktiraf terus di dalam ekuiti, atau apabila ia terbit dari gabungan perniagaan yang merupakan pemerolehan, yang mana dalam keadaan ini cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah yang terhasil atau jumlah sebarang lebihan daripada kepentingan pemerolehan dalam nilai saksama bersih bagi aset, liabiliti dan liabiliti kontingen milik pemerolehan yang boleh dikenal pasti berbanding kos gabungan.

(r) Zakat

Ia mewakili zakat perniagaan. Ia merupakan jumlah wajib yang perlu dibayar oleh Bank demi mematuhi prinsip Syariah. Peruntukan zakat dikira berdasarkan kaedah 2.5% daripada pertumbuhan dana para pemegang saham.

(s) Rizab penyamaan untung ("PER")

PER merujuk kepada jumlah yang diasingkan daripada jumlah pendapatan kasar agar dapat mengekalkan tahap pulangan yang tertentu kepada pendeposit sebagai menepati "Rangka Kerja Kadar Pulangan" Bank Negara Malaysia. PER diperlihatkan di bawah liabiliti lain bagi Bank.

Bank tidak mengekalkan "PER" kerana Bank telah menggunakan pendapatan daripada dana pemegang saham untuk menstabilkan kadar pulangan kepada pendeposit.

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.1 Ringkasan dasar perakaunan yang penting (samb.)

(t) Rosot nilai aset bukan kewangan

Jumlah bawaan aset, selain daripada aset cukai tertunda, akan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan bagi menentukan sama ada terdapat sebarang tanda rosot nilai. Jika wujud sebarang tanda, jumlah boleh dipulihkan kembali bagi aset tersebut akan dianggap untuk menentukan jumlah kerugian rosot nilai.

Untuk tujuan menguji rosot nilai aset-aset ini, jumlah boleh dipulihkan kembali ditentu berdasarkan aset individu kecuai aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada aset lain. Sekiranya keadaan ini berlaku, jumlah boleh dipulihkan kembali ditentukan untuk unit penjaan tunai (CGU) kepunyaan aset tersebut.

Jumlah boleh dipulihkan kembali bagi aset ialah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset atau CGU ditolak kos untuk menjual dan nilai gunanya. Dalam menaksir nilai guna, aliran tunai masa depan teranggar didiskaunkan kepada nilai kini mereka menggunakan kadar diskaun pracukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang spesifik kepada aset. Sekiranya jumlah bawaan sesuatu aset melebihi jumlah yang boleh dipulihkan kembali, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan nilainya kepada jumlah yang boleh dipulihkan kembali.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi semasa tempoh ia timbul, melainkan aset itu dibawa pada jumlah dinilai semula, yang mana dalam keadaan ini kerugian rosot nilai diambil kira sebagai penyusutan penilaian semula sehingga ke tahap di mana kerugian rosot nilai itu tidak melebihi jumlah yang dipegang di dalam rizab penilaian semula aset untuk aset yang sama.

3.2 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan yang timbul daripada mengguna pakai semakan semula FRS

Dasar perakaunan serta kaedah pengiraan yang diguna pakai semasa tempoh kewangan adalah konsisten dengan apa yang diguna pakai untuk penyata kewangan tahunan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

3.3 FRS, Pindaan kepada FRS, Tafsiran Jawatankuasa Penerbitan ("IC"), Siaran Teknikal ("TR") dan Penyata Prinsip ("SOP") yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan serta Bank belum lagi mengguna pakai FRS, pindaan kepada FRS, Tafsiran IC, TR dan SOP di bawah yang mempunyai tarikh kuat kuasa seperti berikut:

FRS, Pindaan kepada FRS, Tafsiran IC, TR dan SOP		Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
FRS 1	Penggunaan Kali Pertama Piawaian Laporan Kewangan	1 Julai 2010 dan 1 Januari 2011
FRS 3	Kombinasi Perniagaan	1 Januari 2010
FRS 4	Kontrak Insurans	1 Januari 2010
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan	1 Julai 2009 dan 1 Januari 2011

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.3 FRS, Pindaan kepada FRS, Tafsiran Jawatankuasa Penerbitan ("IC"), Siaran Teknikal ("TR") dan Penyata Prinsip ("SOP") yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (samb.)

FRS, Pindaan kepada FRS, Tafsiran IC, TR dan SOP		Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
FRS 8	Segmen Operasi	1 Januari 2010
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan (disemak pada 2009)	1 Januari 2010
FRS 123	Kos Peminjaman	1 Januari 2010
FRS 127	Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan	1 Julai 2010
FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 123	Kos Peminjaman	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 127	Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan: Kos Pelaburan dalam Subsidiari, Entiti Dikawal Bersama atau Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 128	Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 129	Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 131	Kepentingan dalam Usaha Sama	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 132	Instrumen Kewangan: Pembentangan	1 Januari 2010, 1 Julai 2010 dan 1 Mac 2010
Pindaan kepada FRS 134	Laporan Kewangan Interim	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 136	Rosot nilai Aset	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 138	Aset Tidak Ketara	1 Januari 2010 dan 1 Julai 2010
Pindaan kepada IFRS 1	Pengecualian Terhadap daripada Pendedahan FRS 7 Bandingan untuk Pengguna Pertama kali	1 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 139	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	1 Januari 2010 dan 1 Julai 2010
Pindaan kepada FRS 140	Hartanah Pelaburan	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 7	Penambahbaikan Pendedahan tentang Instrumen Kewangan	1 Januari 2011
Tafsiran IC 9	Penilaian Semula Derivatif Asal	1 Januari 2010
Tafsiran IC 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Rosot nilai	1 Januari 2010
Tafsiran IC 11	FRS 2 – Urusniaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan	1 Januari 2010
Tafsiran IC 12	Pengaturan Perkhidmatan Konsesi	1 Julai 2010

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.3 FRS, Pindaan kepada FRS, Tafsiran Jawatankuasa Penerbitan (“IC”), Siaran Teknikal (“TR”) dan Penyata Prinsip (“SOP”) yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (samb.)

FRS, Pindaan kepada FRS, Tafsiran IC, TR dan SOP		Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
Tafsiran IC 13	Program Kesetiaan Pelanggan	1 Januari 2010
Tafsiran IC 14	FRS 119 – Had ke atas Aset Manfaat Bertakrif, Keperluan Pembiayaan Minimum dan Interaksinya	1 Januari 2010
Tafsiran IC 15	Perjanjian bagi Pembinaan Hartanah	1 Julai 2010
Tafsiran IC 16	Lindungan Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing	1 Julai 2010
Tafsiran IC 17	Pengagihan Aset Bukan Tunai kepada Pemilik	1 Julai 2010
Pindaan kepada Tafsiran IC 9	Penilaian Semula Derivatif Asal	1 Januari 2010
TR i-3	Pembentangan Penyata Kewangan Institusi Kewangan Islam	1 Januari 2010
SOP i-1	Pelaporan Kewangan dari Perspektif Islam	1 Januari 2010

FRS 4, Pindaan kepada FRS 119, FRS 129 dan FRS 140 serta Tafsiran IC 12, 13 14 dan 15 tidak boleh diguna pakai kepada Kumpulan dan Bank. Lain-lain FRS, pindaan kepada FRS, Tafsiran IC, TR dan SOP di atas dijangka tidak akan memberi kesan ketara kepada penyata kewangan di awal penggunaannya kecuali bagi FRS 7, FRS 101 (disemak pada 2009) dan FRS 139. Kumpulan serta Bank dikecualikan daripada mendedahkan kesan yang berkemungkinan terhadap penyata kewangan apabila FRS 7 dan FRS 139 mula digunakan.

Pengguna FRS 101 (disemak pada 2009) akan mempunyai kesan berikut terhadap penyata kewangan apabila ia mula digunakan:

- Entiti hendaklah mengemukakan dalam penyata perubahan ekuiti, semua perubahan ekuiti pemilik. Semua perubahan ekuiti bukan pemilik (iaitu pendapatan komprehensif) perlu dikemukakan dalam satu penyata pendapatan komprehensif atau dalam dua penyata (penyata pendapatan berasingan serta penyata pendapatan komprehensif). Komponen pendapatan komprehensif tidak dibenar untuk dikemukakan dalam penyata perubahan ekuiti.
- Apabila entiti menyatakan semula angka perbandingannya dalam penyata kewangan atau mengguna pakai secara retrospektif dasar perakaunan yang baru, suatu penyata kedudukan kewangan mesti dikemukakan pada permulaan tempoh perbandingan terawal dalam satu set penyata kewangan yang lengkap.
- Entiti mesti mendedahkan jumlah yang diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain serta cukai pendapatan yang berkaitan dengan setiap komponen pendapatan komprehensif lain, sama ada di dalam penyata pendapatan komprehensif atau di dalam nota;
- Istilah baru akan menggantikan ‘lembaran imbangan’ dengan ‘penyata kedudukan kewangan’, dan ‘penyata aliran tunai’ dengan ‘penyata bagi aliran tunai’.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Mac 2010 (15 Rabiul akhir 1431H)

3. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)

3.4 Anggaran dan pertimbangan perakaunan yang penting

